

NILAI ESTETIKA DALAM PANTUN KANAK-KANAK
ADIK SAYANG PANTUN: PENERAPAN PUITIKA
SASTERA MELAYU

SITI NUR SYAKIRA BINTI AB AZIZ

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

NILAI ESTETIKA DALAM PANTUN KANAK-KANAK ADIK SAYANG
PANTUN: PENERAPAN PUITIKA SASTERA MELAYU

SITI NUR SYAKIRA BINTI AB AZIZ

C19A0773

Tesis Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

FEBRUARI 2023

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

- TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
- Dari tarikh.....sehingga.....
- SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan Pelajar

Nama: Siti Nur Syakira binti Ab Aziz
No. Kad Pengenalan: 990802-03-6044
Tarikh: 19 Februari 2023



Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia: En. Sudirman bin Kiffli
Tarikh: 19 Februari 2023

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin kurnia-Nya dapat juga saya menyempurnakan projek penyelidikan ini. Sepanjang menjalankan tugas ini, saya telah memperoleh pelbagai pengalaman amat berharga dan bermakna dalam hidup sebagai seorang pelajar universiti serta pengalaman ini amatlah bermanfaat kepada saya pada masa akan datang.

Saya, Siti Nur Syakira binti Ab Aziz mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada En. Sudirman bin Kiffli kerana beliau sebagai penyelia projek penyelidikan saya dan telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada saya sepanjang menyiapkan projek penyelidikan ini. Tunjuk ajar dan perkongsian ilmu dari beliau amatlah membantu saya dalam usaha menyempurnakan kajian ini. Selain itu, saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua pensyarah yang telah memberi tunjuk ajar sepanjang saya mengikuti pengajian di Universiti Malaysia Kelantan.

Di samping itu, saya turut berterima kasih kepada ibu bapa iaitu bapa saya Ab Aziz bin Mahammed dan ibu saya Che Nor Yani binti Che Soh yang sentiasa menyokong saya secara fizikal dan mental dalam melaksanakan kajian ini. Selain itu, mereka juga telah menyokong dari segi kewangan dalam usaha melengkapkan projek penyelidikan ini. Kata-kata semangat yang diberikan dijadikan sebagai pemangkin semangat kepada saya.

Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan yang banyak membantu dalam memberikan semangat dan menyumbang idea ketika diperlukan. Segala bantuan yang telah anda hulurkan amatlah saya hargai kerana tanpa

bantuan dan sokongan anda semua tugas ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Sekian, terima kasih.

Siti Nur Syakira binti Ab Aziz
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
19 Februari 2023
syakira.c19a0773@siswa.umk.edu.my



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI GAMBAR	viii
ABSTRAK	ix
ABSTRACT	x
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Permasalahan Kajian	4
1.2 Objektif Kajian	6
1.3 Skop dan Batasan Kajian	7
1.4 Kepentingan Kajian	9
1.5 Metodologi Kajian	11
1.5.1 Reka Bentuk Kajian	11
1.5.2 Kaedah Kajian	11
1.5.3 Rujukan Teks	11
1.5.4 Kaedah Kepustakaan	12
1.5.5 Sumber Internet	12
1.5.6 Analisis Teori	12
1.5.7 Kerangka Teori	13
1.6 Organisasi Kajian	14
1.7 Penutup	17
BAB 2 TINJAUAN KAJIAN LEPAS	
2.0 Pengenalan	18

2.1 Kajian Lepas Pantun Melayu dan Pantun Kanak-kanak	18
2.2 Kajian Lepas Nilai Estetika atau Estetika	21
2.3 Kajian Lepas Teori Puitika Sastera Melayu	24
2.4 Kajian Lepas Muhammad Haji Salleh	27
2.5 Penutup	29
BAB 3 DEFINISI TEORI ATAU PENDEKATAN	
3.0 Pengenalan	30
3.1 Teori Puitika Sastera Melayu	30
3.2 Sejarah Teori Puitika Sastera Melayu	30
3.3 Ciri-ciri Teori Puitika Sastera Melayu	31
3.4 Penutup	32
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	
4.0 Pengenalan	33
4.1 Nilai Estetika dalam Pantun Kanak-kanak <i>Adik Sayang</i>	
<i>Pantun</i>	33
4.1.1 Keindahan dalam Mengajar atau Mendidik	33
4.1.2 Keindahan dalam Pengungkapan Kesedihan dan Kesusahan	38
4.1.3 Keindahan dalam Penceritaan	40
4.1.4 Keindahan dalam Rasa	41
4.1.5 Keindahan yang Asli	42
4.2 Nilai Estetika dalam Pantun Kanak-kanak <i>Adik Sayang</i>	
<i>Pantun</i> Satu Penerapan Puitika Sastera Melayu	44
4.2.1 Mainan Kiasan dan Saranan	44
4.2.2 Sesuai dan Patut	47
4.2.3 Keindahan Sama Ukuran	51
4.2.4 Dunia Berjodoh	54

4.2.5 Muzik Seiring Kata	59
4.2.6 Dunia Luas yang Dipadatkan	62
4.3 Kesimpulan	66
BAB 5 KESIMPULAN	
5.0 Pengenalan	67
5.1 Rumusan	68
5.2 Cadangan	69
5.3 Penutup	73
RUJUKAN	77

SENARAI RAJAH

SENARAI RAJAH


MUKA SURAT

Rajah 1: Kerangka Teori Puitika Sastera Melayu


13



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

SENARAI GAMBAR

SENARAI GAMBAR


MUKA SURAT

Gambar 1: Buku Pantun Kanak-Kanak *Adik Sayang Pantun*


37



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

NILAI ESTETIKA DALAM PANTUN KANAK-KANAK ADIK SAYANG

PANTUN: PENERAPAN PUITIKA SASTERA MELAYU

ABSTRAK

Pantun adalah salah satu jenis puisi lama. Pantun ini mempunyai empat baris sahaja satu rangkap di mana dua baris pertama adalah pembayang dan dua baris terakhir adalah maksud pantun tersebut. Kajian ini akan menumpukan kepada bahagian pantun kanak-kanak dalam aspek kajian nilai estetika di mana ada penerapan teori atau pendekatan Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh. Nilai estetika pula secara umumnya bermaksud keindahan dan imaginasi manusia dalam menafsirkan sesuatu perkara atau bidang tertentu. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti ciri-ciri estetika yang ada dalam pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun* dan menganalisis nilai estetika pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun* melalui penerapan Teori Puitika Sastera Melayu. Batasan kajian ini dihadkan kepada kajian pantun kanak-kanak menerusi buku pantun *Adik Sayang Pantun* oleh Ismail Restu. Bagi menyempurnakan kajian ini metodologi yang digunakan ialah menggunakan reka bentuk kualitatif dengan kaedah kepustakaan, internet, pengaplikasian Teori Puitika Sastera Melayu dan sebagainya lagi. Hasil dapatan kajian yang diperolehi ialah nilai keindahan atau estetika melalui buku pantun *Adik Sayang Pantun* seperti mainan kiasan dan saranan, sesuai dan patut, sama ukuran, dunia berjodoh, dan sebagainya lagi. Nilai keindahan atau estetika wujud berdasarkan pemikiran pengarang yang ingin menyampaikan makna tersirat sesebuah karya. Sebagai rumusannya, pantun kanak-kanak dapat dijadikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran untuk mengembangkan psikologi kanak-kanak itu sendiri serta pantun kanak-kanak boleh menjadi rujukan kepada bakal pengkaji yang lain.

Kata Kunci: Pantun Kanak-Kanak, Puitika Sastera Melayu, dan Nilai Estetika.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**AESTHETIC VALUE IN PANTUN KANAK-ANAK ADIK SAYANG PANTUN:
APPLICATION OF PUITIKA SASTERA MELAYU**

ABSTRACT

Pantun is one of the old types of poetry. Pantun only have four rows of one verse where the first two rows are hints of the pantun and the last two lines are the meaning of the pantun. This study will focus on the children's pantun section in the aspect of aesthetic value using the theory of Puitika Sastera Melayu by Muhammad Haji Salleh. Aesthetic value, on the other hand, generally means the beauty and imagination of the human being in interpreting a particular thing or field. The purpose of this study was to identify the aesthetic elements present in the text Adik Sayang Pantun. To analyse the aesthetic value, the Puitika Sastera Melayu implemented. The limitations of this study are limited to the study of children's pantun through the pantun Adik Sayang Pantun by Ismail Restu. To complete this study, the methodology applied is qualitative by using materials from library, internet and the application of Teori Puitika Sastera Melayu. The findings of the study are the value of beauty or aesthetics through the Adik Sayang Pantun text such as figurative toys and suggestions, suitable and appropriate, equal in size, the world of matchmaking, etc. The value of beauty or aesthetics exists based on the thoughts of the author who wants to convey the implicit meaning of a work. In summary, children's pantun can be used as a teaching and learning material to develop the child's own psychology and the children's guidance can be a reference to other prospective researchers.

Keywords: *Children's Pantun, Puitika Sastera Melayu, and Aesthetic Value.*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Pantun adalah salah satu jenis puisi lama. Pantun ini mempunyai empat baris sahaja satu rangkap di mana dua baris pertama adalah pembayang dan dua baris terakhir adalah maksud pantun tersebut. Berdasarkan pandangan Harun Mat Piah (1980), maksud pantun itu boleh difahami dari dua aspek iaitu luaran dan dalaman. Dari aspek dalaman kita boleh lihat dari sudut pembayang di mana ada penggunaan lambang-lambang atau simbol-simbol alam semula jadi yang terdapat dalam pantun melalui pandangan masyarakat Melayu. Dari aspek luaran pula dapat dilihat dari hubungan makna sama ada maksud tersebut disampaikan secara abstrak ataupun konkrit.

Menurut Harun Mat Piah (1989) juga sesuatu penciptaan pantun itu adalah berdasarkan tema dan persoalan yang ada serta berteraskan kehidupan masyarakat itu sendiri. Walau bagaimanapun, pantun ini terbahagi kepada beberapa jenis seperti pantun agama, pantun nasihat, pantun pendidikan dan sebagainya. Pantun juga ada bahagiannya untuk golongan kanak-kanak dan golongan dewasa. Pengkaji pula akan menumpukan kepada bahagian pantun kanak-kanak dalam aspek kajian nilai estetika di mana ada penerapan teori atau pendekatan Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh.

Seterusnya, pantun kanak-kanak adalah pantun tradisi yang mempunyai struktur bacaan yang tersendiri dapat menghasilkan keindahan apabila dibaca. Penciptaan pantun kanak-kanak lebih mudah kerana menggunakan pemilihan diksi dan tema yang bersesuaian dengan kanak-kanak. Menurut pandangan

Dharmawijaya (1998) menyatakan bahawa pantun kanak-kanak mengandungi pelbagai jenis pantun dan tema seperti kasih sayang, teka-teki, jenaka dan banyak lagi. Jelaslah, pantun kanak-kanak merupakan salah satu warisan tradisi yang perlu dilestarikan agar penggunaan pantun tidak hilang ditelan zaman.

Nilai estetika secara umumnya bermaksud keindahan dan imaginasi manusia dalam menafsirkan sesuatu perkara atau bidang tertentu. Perkataan estetika berasal dari bahasa Yunani iaitu dengan ejaan *aesthesis* di mana ia diberi maksud sebagai perkara-perkara yang boleh menjadi satu kepekaan masyarakat apabila dilihat dan ditafsir oleh pancaindera manusia.

Menurut Nor Azman Ab. Aziz (2013), estetika bermaksud bidang ilmu yang banyak membincangkan berkenaan keindahan, cara sesuatu seni terhasil dan bagaimana seseorang itu dapat memahami dan menghayati dengan baik karya seni tersebut. Pendapat Rahman Shaari (2001) pula estetika merupakan keindahan atau kecantikan dalam karya sastera. Di sini ia terbahagi kepada dua jenis pandangan iaitu pembaca anggap ia ada nilai estetika dan ada yang tidak beranggapan sebegitu. Oleh hal yang demikian, pandangan seseorang dan cara penghayatan mereka yang berbeza itu dapat menentukan sama ada ia mempunyai nilai estetika ataupun tidak.

Seterusnya, Bruce Alisopp ada menyatakan bahawa estetika bermaksud satu kajian sesuatu ilmu pengetahuan yang dikatakan berkaitan dengan satu proses serta aturan yang ada dalam penciptaan sesebuah karya. Nilai estetika secara tidak langsung telah mewujudkan satu situasi positif atau satu keadaan yang indah setelah melihat karya-karya tertentu.

Akhir sekali, estetika dari pandangan AA Djelantik dalam Estetika Suatu Pengantar (1999) juga berkata estetika satu kajian ilmu yang mengajar berkaitan dengan keindahan dan segala aspek-aspek estetika yang ada di dalamnya.

Dalam kajian pengkaji ini hanyalah tertumpu kepada kajian pantun kanak-kanak iaitu Kumpulan Pantun Kanak-kanak *Adik Sayang Pantun* oleh Ismail Restu pada tahun 2014. Dalam buku pantun ini boleh dikatakan semua mempunyai pantun yang menarik dan indah dalam menerapkan sesuatu pembelajaran kepada kanak-kanak. Buku ini adalah keluaran Institut Terjemahan dan Buku Malaysia. Buku ini mempunyai lima tema pantun yang dijadikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran iaitu berbudi bahasa, nama-nama ikan, bahasa diraja, alat muzik dan alat muzik tradisional. Secara tidak langsung, pantun ini menunjukkan wujudnya nilai estetika dan keindahan yang tertentu untuk semua kanak-kanak.

1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan kajian yang pengkaji pilih iaitu nilai estetika pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun*, pengkaji mendapati terdapat beberapa aspek yang sukar dihuraikan. Hal ini dikatakan demikian kerana pada masa sekarang di mana semua orang menghadapi pandemik Covid-19 menjadi satu kesukaran kepada kanak-kanak untuk terdedah kepada sastera terutama yang melibatkan pembelajaran pantun. Ia juga menjadi tanda tanya bagaimana kanak-kanak boleh memahami nilai-nilai yang ingin disampaikan dalam sesebuah pantun kanak-kanak dengan mudah.

Selain itu, permasalahan kajian yang kedua ialah pantun kanak-kanak kurang mendapat sambutan atau lebih dekat dengan perkataan kurang popular. Pada masa dahulu penciptaan pantun banyak menggunakan kosa kata yang agak klasik dan unik yang mana perkataan tersebut jarang didengari oleh kanak-kanak pada masa kini. Oleh hal yang demikian, pembacaan pantun kanak-kanak menjadi tidak menarik dan kurang nilai keindahan yang ingin disampaikan. Kanak-kanak juga kurang pendedahan terhadap perkataan klasik yang jarang disebut atau didengar. Disebabkan itu, pihak pengarang pantun kanak-kanak perlu mencari perkataan atau kosa kata yang sesuai bagi memudahkan kanak-kanak dan menonjolkan nilai estetika yang ada.

Akhir sekali, pantun pada masa kini kurang digunakan dalam pembelajaran sastera dan pendedahan kepada kanak-kanak adalah kurang kerana banyak jenis puisi lain yang diajarkan. Sebagai contoh, sajak, syair dan sebagainya. Keadaan sedemikian telah menyebabkan kanak-kanak lebih arif dalam jenis karya sastera yang lain berbanding dengan penguasaan pantun.

Oleh hal yang demikian, pantun jarang digunakan dan menjadikan kekurangan satu bahan didaktik dalam hidup kanak-kanak.

Oleh itu, nilai estetika adalah penting diterapkan dalam pantun kanak-kanak supaya mereka lebih terdedah dalam bidang sastera sebagai didaktik dan secara tidak langsung dapat memartabatkan nilai estetika dalam perkara lain juga.



1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Melalui kajian ini pengkaji telah menetapkan objektif seperti berikut:

1. Mengenal pasti ciri-ciri estetika yang ada dalam pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun*.
2. Menganalisis nilai estetika pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun* melalui penerapan Teori Puitika Sastera Melayu.

1.3 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Skop kajian yang digunakan adalah dihadkan untuk mendapatkan analisis kajian yang lengkap dan bermutu. Oleh hal yang demikian, pengkaji mengkaji nilai estetika pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun: penerapan Puitika Sastera Melayu* oleh Muhammad Haji Salleh. Pengkaji hanya tertumpu kepada ciri-ciri dan nilai estetika yang ada dalam pantun kanak-kanak di mana ia dijadikan sebagai satu bahan didaktik kepada kanak-kanak tersebut. Pengkaji juga tidak akan memasukkan nilai-nilai lain seperti nilai kerohanian, nilai keagamaan dan sebagainya dalam kajian ini.

Selain itu, pengkaji juga membataskan kajian dengan mengenal pasti dan menghuraikan berkenaan dengan nilai estetika yang ada dalam pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun: penerapan Puitika Sastera Melayu*. Seperti yang diketahui pantun kanak-kanak mempunyai unsur dan nilai estetika yang tersendiri untuk dijadikan sebagai bahan pengajaran. Oleh itu, ada kepentingan dan manfaat lain dalam proses mengenal pasti dan menghuraikan berkaitan nilai estetika dalam pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun*.

Di samping itu, pengkaji membataskan kajian ini dengan menggunakan Teori Puitika Sastera Melayu. Teori Puitika Sastera Melayu telah digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh pada tahun 1989. Dalam Teori Puitika Sastera Melayu ini banyak membincangkan tentang konsep dan prinsip dasar yang menjadi landasan kepada pemikiran dan penciptaan sastera Melayu. Teori ini juga melibatkan genre, konsep teks, pengarang, estetika dan khalayak sastera Melayu. Oleh hal yang demikian, melalui Teori Puitika Sastera Melayu ini

pengkaji dapat mengkaji sendiri nilai estetika dalam buku pantun kanak-kanak yang pengkaji pilih.

Seterusnya, pengkaji membataskan kajian pengkaji dengan menumpukan sepenuhnya kepada pantun kanak-kanak. Pengkaji memilih pantun kanak-kanak kerana ianya lebih banyak maklumat serta mudah untuk dijelaskan kepada kanak-kanak dan menjadi bahan pengajaran mereka sejak dari awal lagi. Pengkaji tidak akan memberi penumpuan khas kepada pantun orang dewasa.

Akhir sekali, pantun kanak-kanak yang dipilih sebagai kajian pengkaji ini kerana ada beberapa kelebihan dan kehebatan tersendiri bagi kajian tentang pembelajaran dan pengajaran kepada kanak-kanak. Sekiranya seseorang pembaca membaca pantun kanak-kanak mereka akan mengetahui nilai estetika yang ada dan dapat memahami dengan mudah terutama golongan kanak-kanak.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini ialah pengkaji ingin mendedahkan ciri-ciri dan nilai-nilai estetika yang ada dalam pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun* oleh Ismail Restu. Seperti yang diketahui, banyak jenis puisi seperti sajak, pantun, syair dan lain-lain lagi digunakan dan dijadikan bahan didaktik atau pengajaran terutama kepada kanak-kanak melalui pantun kanak-kanak. Dengan adanya kajian dan kepentingan seperti ini ia dapat membantu semua pihak dalam mendedahkan dunia sastera kepada semua golongan termasuk kanak-kanak.


Tambahan itu, kepentingan kajian ini juga ialah kajian pantun kanak-kanak ini sebagai satu bahan didaktik di mana pantun ini menjadi bahan atau medium hiburan dan pendidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana sejak dari zaman dahulu lagi pantun digunakan dalam kehidupan seharian mereka dan secara tidak langsung turut menjadi bahan hiburan. Di samping itu, kajian pantun kanak-kanak juga penting kerana pantun kanak-kanak mempunyai satu penambahan bahan didaktik dan nilai-nilai keindahan yang tersendiri yang ingin disampaikan kepada semua.

Akhir sekali, kepentingan kajian ini yang dapat pengkaji ungkapkan ialah kajian ini memberi gambaran kepada pengkaji untuk membuat kajian berdasarkan objektif yang dipilih sesuai dengan tajuk. Secara tidak langsung, nilai estetika dapat memberi ilham kepada pengkaji-pengkaji lain dalam menjalankan kajian mereka. Pada masa yang sama, ia dapat membantu pengkaji mengetahui kelebihan atau kepentingan yang ada dalam pantun kanak-kanak. Pada akhirnya, pengkaji-pengkaji yang lain dapat menggunakan kajian ini


sebagai satu sumber yang boleh dirujuk pada masa yang akan datang dalam menjadikan sastera tradisional sebagai satu bahan pengajaran kepada kanak-kanak.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

1.5 METODOLOGI KAJIAN

1.5.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian pengkaji ini menggunakan kaedah kualitatif kerana pengkaji ingin menjelaskan lebih lanjut maklumat tentang nilai estetika pantun kanak-kanak melalui penerapan Puitika Sastera Melayu dengan menggunakan rujukan teks dan kaedah kepustakaan.

1.5.2 Kaedah Kajian

Metodologi atau kaedah kajian adalah salah satu langkah untuk memperolehi semua jenis data untuk menjalankan kajian yang dipilih. Dengan adanya metodologi kajian ini dapatlah menghuraikan tentang reka bentuk kajian dan instrumen kajian yang lain dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana kajian pengkaji hanya berfokuskan kepada ciri-ciri dan nilai estetika pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun: penerapan Puitika Sastera Melayu* oleh Muhammad Haji Salleh.

1.5.3 Rujukan Teks

Kaedah analisis rujukan teks adalah satu kaedah yang pengkaji pilih dan menggunakannya seperti mencari bahan rujukan dari semua sumber termasuk internet seperti akhbar, buku pantun kanak-kanak, bahan-bahan ilmiah, jurnal dan artikel. Dalam kajian ini pengkaji akan menumpukan kepada bahagian nilai estetika pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun: penerapan Puitika Sastera Melayu* oleh Muhammad Haji Salleh.

1.5.4 Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan pula merupakan kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpul data-data atau maklumat mengikut proses kajian yang dijalankan bersesuaian dengan kehendak pengkaji. Bahan rujukan yang digunakan adalah tesis, buku, artikel dan jurnal yang berkenaan dengan kajian. Bahan-bahan sebegini akan dicari dalam perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bagi memudahkan kajian ini dijalankan dengan baik. Sumber rujukan dari tempat lain juga turut digunakan.

1.5.5 Sumber Internet

Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat tambahan dan memudahkan lagi kajian pengkaji dijalankan. Dalam hal ini pengkaji menggunakan *Google Scholar*, *ResearchGate* dan sebagainya. Dengan cara melayari sumber internet ini mampu menambahkan bahan dan maklumat baru kepada pengkaji. Maklumat yang telah dikumpulkan akan dimasukkan ke dalam kajian pengkaji.

1.5.6 Analisis Teori

Kaedah ini adalah sangat penting kerana ia menjadi satu penggerak kepada sesebuah kajian. Dalam penghasilan kajian ini pengkaji menggunakan Teori Puitika Sastera Melayu yang telah digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh pada tahun 1989. Teori ini adalah sangat bertepatan dengan kajian pengkaji kerana ia membincangkan tentang estetika yang ada dalam sesebuah karya, fungsi karya, keunggulan pengarang dan banyak lagi berlandaskan Teori Puitika Sastera Melayu ini. Oleh hal yang demikian pengkaji memilih untuk mengkaji nilai

estetika dalam pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun*: penerapan Puitika Sastera Melayu.

1.5.7 KERANGKA TEORI



Rajah 1: Kerangka Teori Puitika Sastera Melayu

1.6 ORGANISASI KAJIAN

Kajian ini akan mempunyai lima bab utama iaitu dari bab satu sehingga bab lima. Projek Penyelidikan I akan menumpukan tiga bab sahaja dan dua bab lagi akan diteruskan dalam Projek Penyelidikan II. Organisasi kajian ini bertujuan supaya kajian ini dapat dijalankan dengan berkesan dan sistematik.

Bab Satu

Bab satu ini merupakan pengenalan berkenaan dengan kajian yang dijalankan dalam Projek Penyelidikan I. Dalam bab satu ini boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti pengenalan iaitu pengenalan mengenai kajian yang dijalankan. Kemudian, diteruskan lagi dengan pernyataan masalah bagi mengenal pasti objektif kajian dengan baik dan jelas. Seterusnya, skop dan batasan kajian juga turut dibincangkan dalam bab satu. Tambahan itu, kepentingan kajian turut dihuraikan dengan jelas. Kepentingan kajian adalah sangat penting kerana pengkaji perlu memastikan apa kebaikannya kepada semua mahasiswa-mahasiswa dan juga masyarakat berkenaan dengan kajian yang dijalankan ini. Dalam bab satu ini juga akan ada bahagian metodologi kajian yang terbahagi kepada kaedah kajian dan juga kerangka teori. Hal tersebut kerana untuk memudahkan kajian ini diterangkan secara terperinci melalui metodologi kajian yang digunakan. Akhir sekali, organisasi kajian juga dipaparkan dalam bab satu. Organisasi kajian adalah untuk menjelaskan secara ringkas apa yang ada dalam kajian ini melalui bab-bab tertentu.

Bab Dua

Bab ini membincangkan berkenaan kajian lepas yang telah dijadikan sebagai bahan rujukan pengkaji. Dalam bab dua ini juga kajian lepas boleh dijadikan sebagai pernyataan masalah kerana dengan adanya kajian lepas dapat pengkaji memastikan masalah yang ada sehingga wujudnya kajian ini. Kajian lepas juga akan dijadikan sebagai maklumat penting bagi menyelesaikan kajian ini. Oleh itu, kajian lepas dihuraikan dalam bab ini dengan baik.

Bab Tiga

Dalam bab tiga pula akan dibincangkan berkenaan dengan definisi teori atau pendekatan. Dalam semua kajian adalah sangat penting untuk menggunakan teori atau pendekatan supaya kajian yang dijalankan adalah sistematik dan berkesan. Definisi teori atau pendekatan juga akan dipaparkan dalam pelbagai definisi oleh tokoh-tokoh sastera. Dalam kajian ini pengkaji akan menghuraikan berkenaan definisi teori atau pendekatan Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh. Melalui teori ini banyak nilai keindahan yang dapat digunakan sebagai bukti pengukuhan untuk sesebuah karya sastera.

Bab Empat

Bab empat akan memuatkan tentang analisis kajian atau teks. Dalam kajian ini akan dihuraikan berkenaan dengan isi-isi penting yang telah disesuaikan dengan objektif kajian serta permasalahan kajian yang ditemui. Setidaknya dua atau tiga objektif kajian akan dihuraikan dengan lebih terperinci dan jelas. Dalam bab empat ini juga pengkaji akan mengeluarkan semua ciri-ciri estetika dan nilai-nilai keindahan atau nilai-nilai estetika yang ada melalui pantun kanak-kanak iaitu *Adik Sayang Pantun* oleh Ismail Restu pada tahun 2014. Kajian

pantun kanak-kanak ini turut dikaitkan dengan penggunaan teori iaitu Teori Puitika Sastera Melayu yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh. Melalui bab ini dapatlah ia dijadikan sebagai satu bahan yang jelas dan baik untuk memaparkan nilai estetika yang ada. Kajian ini akan lebih mendalam dan terperinci melalui contoh-contoh pantun kanak-kanak yang sesuai dalam buku pantun kajian pengkaji. Oleh itu, bab empat membincangkan tentang analisis atau dapatan kajian dalam pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun*.

Bab Lima

Bab lima merupakan bab yang terakhir yang akan dimasukkan dalam kajian pengkaji. Bab lima adalah kesimpulan kepada keseluruhan kajian yang dijalankan. Dalam bahagian rumusan atau kesimpulan ini perlu dimasukkan juga sedikit implikasi kepada semua pihak berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Selain itu, beberapa cadangan yang bernas dan bersesuaian dengan kajian ini turut akan dicadangkan supaya dapat ditambah baik lagi.

1.7 KESIMPULAN

Tuntasnya, pengkaji mendapati bahawa nilai estetika mempunyai keindahan dan maksudnya yang tersendiri dalam pantun kanak-kanak. Buku kumpulan pantun *Adik Sayang Pantun* oleh Ismail Restu pada tahun 2014 boleh dijadikan sebagai satu kajian yang menarik kerana dapat memberikan pendedahan kepada kanak-kanak dalam pembelajaran mereka. Nilai estetika yang dikaji ini juga dikaji dari sudut nilai keindahan yang ada berdasarkan Teori Puitika Sastera Melayu, bahasanya serta struktur ayat dalam pantun *Adik Sayang Pantun* karya Ismail Restu. Kajian yang bertajuk nilai estetika dalam pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun: penerapan Puitika Sastera Melayu* merupakan kajian yang berfokuskan kepada pantun kanak-kanak yang ingin menonjolkan aspek pengajaran sastera kepada kanak-kanak pada masa kini. Antara kepentingan kajian ini ialah mendedahkan nilai-nilai estetika yang ada, sebagai satu didaktik yang mana pantun ini menjadi bahan atau medium hiburan dan pendidikan dan akhir sekali membuat kajian yang berteraskan objektif yang telah ditetapkan. Dengan adanya kepentingan ini dapatlah kajian ini dijalankan dengan baik dan berfokus. Di samping itu, kajian ini dapat menjadi satu bahan rujukan kepada bakal pengkaji yang lain pula pada masa yang akan datang.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh sarjana-sarjana sama ada dari dalam negara atau luar negara. Pandangan-pandangan ini akan dijadikan sebagai salah satu bahan panduan untuk melengkapkan kajian pengkaji. Dengan adanya kajian lepas atau sorotan lepas dapatlah pengkaji menjadikannya sebagai panduan dan melengkapkan kajian ini dengan baik dan lengkap. Fokus pengkaji adalah tentang nilai estetika dalam pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun: penerapan Puitika Sastera Melayu*.

2.1 Kajian Lepas Pantun Melayu dan Pantun Kanak-kanak

Pui Wen Hang (2020), telah menjalankan kajian yang bertajuk *Analisis Pemikiran Melayu dalam Pantun Kanak-kanak berdasarkan Teori Puitika Sastera Melayu*. Dalam kajian ini ia berfokuskan kepada keenam-enam prinsip yang terdapat dalam Teori Puitika Sastera Melayu yang telah digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh. Prinsip yang pertama iaitu dunia luas dipadatkan bertujuan untuk menonjolkan bahawa pantun mempunyai dan meliputi dunia yang luas tetapi dihadkan dalam empat baris pantun sahaja. Kedua, kiasan dan saranan dalam pantun merupakan pembayang ialah kepala atau kulit dan saranan ialah kaki atau isi dalamnya. Seterusnya, menurut Muhammad (2020) dunia yang berjodoh di mana manusia mempunyai dua dunia yang akrab dan rapat dalam sesuatu pantun. Menurut Hashim (2019), dunia yang berjodoh adalah di luar dunia ialah alam manakala di dalam dunia ialah fikiran dan

perasaan manusia. Di samping itu, menurut Hashim (2019), ukuran danimbangan adalah suku kata yang sama antara baris pertama dan ketiga serta baris kedua dan keempat di mana ia mewujudkan keharmonian dan keindahan yang sama ukurannya. Dalam prinsip seterusnya juga adalah tentang muzik seiring kata. Dalam mengalunkan pantun ada alunan, lontaran dan sahutan seperti satu orkestra. Akhir sekali, sesuai dan patut iaitu penceritaan sastera Melayu yang harus padat dan tepat. Hal ini kerana sekiranya ia berlebihan maka ia akan membuat pembaca menjadi hanyut. Oleh hal yang demikian, pantun menjadi simbol yang memaparkan jiwa orang Melayu yang sebenar.

Puisi Kanak-kanak dari Perspektif Semiotik Riffaterre oleh Aida Qamariah Ishak, Salinah Ja'afar dan Ahmad Ramizu Abdullah (2018). Sebanyak 20 item kosa kata daripada Bahasa Melayu tradisional menggunakan analisis konsep dan kaedah analisis melalui 15 puisi yang dipilih hasil karya Mohamad Nazel Hisham. Empat aspek penting telah dilihat dari Teori Semiotik Riffaterre ini. Antaranya ialah puisi sebagai ungkapan tidak langsung, pengaplikasian konsep bacaan heuristic dan hermeneutik serta hipogram. Hasil analisis memaparkan puisi kanak-kanak ini mempunyai ungkapan secara tidak langsung, struktur sebenar dan bentuk leksikal dan sebagainya lagi. Melalui empat aspek makna ini telah menunjukkan kejayaan bahawa kanak-kanak dapat memahami secara tersurat dan membantu mereka memahami bahasa Melayu.

Kajian oleh Aida Mastura Mohamad (2022), *Pemberdayaan Jati Diri Kanak-Kanak dalam Teks Adik Sayang Pantun*. Pantun ialah salah satu jenis puisi tradisional Melayu yang telah lama wujud. Kepentingan pantun kanak-kanak ini ialah memberi pengajaran dan pendidikan serta mampu bentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak menjadi tinggi. Untuk menarik minat yang

mendalam pantun kanak-kanak dicipta ringkas yang boleh. Teks *Adik Sayang Pantun* dipilih kerana kanak-kanak sekolah lebih berminat membaca kerana irama yang mudah, menarik dan ringkas. Tujuan untuk melengkapkan kajian ini ialah kerana ingin mengisi kelompongan dan memperkayakan lagi jati diri kanak-kanak menerusi pantun.

Pemikiran Melayu tentang Ilmu dan Adab dalam Puisi Melayu Tradisional oleh Zurakintan Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh (2015). Kajian ini dijalankan untuk menunjukkan hubungan ilmu dan adab termasuk bahasa dan pemikiran masyarakat Melayu melalui pantun. Masyarakat Melayu sememangnya kreatif dalam menyampaikan hasrat dan tunjuk ajar secara berhemah dan di dalamnya mempunyai makna yang indah, nilai agama, budaya dan sebagainya. Pantun ini boleh dikatakan sebagai aspek kehidupan masyarakat Melayu serta menonjolkan minda masyarakat itu sendiri. Pada akhirnya, makalah ini tertumpu kepada kajian ilmu dan adab dalam pantun Melayu dalam aspek nilai estetika pantun Melayu.

Kajian Akal Budi dan Cerminan Jati Diri Melayu dalam Pantun oleh Norazimah Zakaria, Azlina, Sharifah Zarina, Mimi Hanida, Alizah, Siti Salwa, Mashittah dan Rosmah (2017). Fokus kajian ini dijalankan adalah sfera keindahan dan faedah untuk memahami makna dan fungsi pantun kepada masyarakat melalui pendekatan Braginsky V.I (1994). Nilai jati diri terdapat dalam pantun bermula dari kanak-kanak ke dewasa. Melalui pantun ini dapat dilihat cerminan jati diri masyarakat Melayu dan keindahannya. Pantun memberikan makna dan pengajaran di samping menjadi bahan hiburan masyarakat. Nilai yang baik dapat mendorong masyarakat Melayu berbudi pekerti yang baik dan ada jati diri yang kukuh melalui pantun.

2.2 Kajian Lepas Nilai Estetika atau Estetika

Abdul Halim Ali (2011) telah menjalankan kajian iaitu *Konsep Keindahan Dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Tujuan makalah tersebut ialah untuk membincangkan konsep keindahan dalam sastera Melayu tradisional. Kajian ini berpandukan Teori Puitika Sastera Melayu yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh serta idea estetika oleh IV Braginsky. Dua teks utama iaitu Puitika Sastera Melayu (2000) karya Muhammad Haji Salleh dan buku Erti keindahan dan Keindahan Erti (1994) oleh Braginsky telah menjadi bahan utama untuk analisis dan perbincangan. Ada tiga perbezaan yang diperolehi antara dua orang tokoh ini iaitu sumber keindahan, dasar keindahan dan cara mengkonsepsi keindahan. Disebabkan pendekatan yang berlainan maka ia mewujudkan perbezaan antara dua teori ini. Braginsky mementingkan aspek deskripsi tekstual dengan sokongan sumber Islam, manakala Muhammad Haji Salleh tidak mempunyai sumber sokongan. Berdasarkan dua gagasan idea ini ia telah mendorong dan menjadi asas pembelajaran dalam memahami erti keindahan dalam sastera Melayu berdasarkan dua pandangan yang berbeza.

Unsur Estetika Bahasa dalam Novel-novel Pemenang Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi dari tahun 2012 hingga 2017 merupakan tajuk kajian yang dijalankan oleh Rosnani Md Zain dan Nik Rafidah Nik Muahamad Affandi pada tahun 2019. Teori Puitika Sastera Melayu digunakan bagi menelusuri gaya yang dikaitkan dengan erti atau konsep estetika dan secara tidak langsung menonjolkan keindahan dalam mendidik atau mengajar serta mengungkap keindahan dalam kesusahan dan kesedihan dalam rasa. Estetika terbahagi kepada dua unsur iaitu keindahan dan seni. Disebabkan hal demikian, semua karya sastera tidak dapat dipisahkan dengan keindahan dan seni. Dalam

penggunaan gaya bahasa unsur estetika menjadi perhatian khusus. Analisis dari aspek tema, dialog yang dituturkan dan plot menunjukkan nilai estetika dalam karya sastera Melayu. Oleh hal yang demikian, kajian ini hanya tertumpu kepada keindahan gaya bahasa dalam novel fiksyen sains dan teknologi.

Siti Aisah Yusoff (2011), telah membuat kajian tentang *Estetika Dalam Kumpulan Puisi Kanak-Kanak Putera-Puteri Malaysia Dan Nota Untuk Ibu*. Objektif kajian ini adalah ingin mengenal pasti ciri-ciri estetika yang terdapat dalam kumpulan puisi yang terpilih. Dua buah kumpulan puisi telah dipilih untuk dijadikan bahan kajian. Dengan adanya dua buah buku ini dapatlah dirungkaikan tentang ciri-ciri estetika yang terkandung dalam kumpulan puisi terpilih. Kajian ini dijalankan kerana wujud perbezaan pendapat berkenaan maksud estetika. Oleh hal yang demikian objektif pengkaji adalah mengenal pasti estetika yang ada dalam puisi terpilih berlandaskan Teori Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh. Lapan daripada empat belas konsep estetika akan dibincangkan dalam kajian ini. Selain itu, fungsi sastera juga turut digunakan. Hal ini kerana ia sangat berkait dengan nilai estetika. Akhirnya, memang ada nilai estetika yang tersendiri melalui kajian dua buah puisi terpilih.

Buku Kanak-kanak: Analisis Unsur Estetika adalah kajian yang dihasilkan oleh Kaithiri Arumugan dan Rohaya Md Ali (2019). Buku kanak-kanak sering mendapat perhatian ramai pengkaji. Dalam buku kanak-kanak ini terdapat unsur keindahan dan estetika yang memberi sumbangan dalam penarikan berbahasa. Menurut Alimah Salam (2010), buku kanak-kanak yang dikeluarkan di Malaysia masih lagi tidak setanding dengan buku-buku yang diterbitkan oleh penerbit luar negara. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti unsur-unsur estetika dalam buku kanak-kanak tersebut. Teori estetika yang

digagaskan oleh Maria Nikolajeva (2005) akan digunakan dalam menjalankan kajian ini dan ia telah menunjukkan ada dua unsur estetika yang diperolehi dari buku kanak-kanak itu. Dua unsur estetika tersebut adalah estetika genre dan estetika bahasa.

Estetika dan Kebijaksanaan dalam Pantun Melayu: Suatu Kajian Berdasarkan Puitika Sastera Melayu oleh Nur Amelia Farhana Zuraimi (2021). Pantun adalah simbol kebijaksanaan masyarakat Melayu kerana pemikiran yang bijak dan berseni. Alam sekeliling dijadikan sumber idea dalam pembuatan pantun. Mengkaji unsur-unsur keindahan dan menganalisis nilai estetika pantun serta mengenal pasti genre pantun sebagai simbol kepintaran masyarakat Melayu adalah objektif kajian pengkaji. Kaedah kajian yang digunakan ialah kualitatif, kepustakaan dan analisis teks. Hasil kajian adalah ada pemilihan diksi dan pembayang dalam pembuatan pantun untuk menunjukkan keindahan. Oleh hal yang demikian, keindahan bahasa dipengaruhi oleh ciptaan pantun dan kebijaksanaan masyarakat kerana kebijaksanaan dalam menggunakan pantun dalam kehidupan seharian dengan tersusun.

Hikayat Char Darwis: Kajian Berdasarkan Teori Puitika Sastera Melayu adalah tajuk kajian yang dipilih oleh Khatijah Mohamad Yatim (2016). Dalam karya *Hikayat Char Darwis* ini terdapat nilai keindahan berdasarkan prinsip "Perkataan Yang Indah-Indah". Melalui kajian ini Khatijah Mohamad Yatim telah menganalisis unsur alatan bahasa sastera, sopan santun dan cara pengarang merendah diri dalam menyampaikan sesuatu perkara, bahasa yang digunakan sempurna dan sesuai. Dalam karya ini terdapat nilai keindahan seperti yang ingin dikaji dan semuanya adalah perkara yang indah-indah untuk menonjolkan sisi

sastera yang berbeza. Kajian ini juga sangat berfokuskan dengan Teori Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh.

2.3 Kajian Lepas Teori Puitika Sastera Melayu

Hashim Ismail (2019), telah menggunakan Teori Puitika Sastera Melayu dengan tajuknya *Teori Puitika Sastera Melayu: Interpretasi Dan Praktikaliti*. Tujuan makalah ini dibuat adalah untuk menilai berkenaan dengan Teori Puitika Sastera Melayu sebagai teori sastera tempatan. Teori ini telah digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh pada tahun 1989. Pada awalnya teori ini masih baharu akan tetapi telah dikenali ramai pada peringkat sarjana dan PhD di Malaysia, Brunei dan Singapura. Terdapat perbezaan dan perbandingan yang telah dibuat oleh sebahagian sarjana di peringkat antarabangsa, namun teori ini mempunyai ciri-ciri yang tertentu untuk diterapkan dalam penghasilan sesuatu kajian. Objektif yang ingin dicapai oleh Hashim Ismail ialah untuk mengenal pasti ciri-ciri aplikasi Teori Puitika Sastera Melayu, menganalisis pandangan sarjana tentang kesesuaian teori ini dan menilai keupayaan Teori Puitika Sastera Melayu sebagai salah satu teori tempatan yang ada di Malaysia. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini untuk melihat perkembangan dan kestabilan Teori Puitika Sastera Melayu di peringkat Asia Tenggara. Teori Puitika Sastera Melayu ini telah dikaji dari aspek kesesuaian dan kekuatan serta kelemahan berdasarkan tesis-tesis yang telah ditulis di universiti-universiti di peringkat Asia Tenggara. Pada akhirnya, hasil penilaian itu akan dikemukakan dalam kertas kerja secara spesifik lagi.

Pada tahun 2016, Eizah Mat Hussain telah menggunakan Teori Puitika Sastera Melayu pada peringkat pengajiannya PhD di Universiti Malaya. Untuk menganalisis kajian himpunan *Pantun Melayu-Bingkisan Permata (2001)*, beliau telah menggunakan prinsip-prinsip Melayu yang ada dalam Teori Puitika Sastera Melayu. Untuk menganalisis simbol dan makna yang ada pada objek tumbuhan dan haiwan kaedah kajian estetika pantun adalah berdasarkan prinsip dunia yang dipadatkan, kiasan, dunia berjodoh dan pesanan digunakan. Melalui pemerhatian aktiviti kehidupan seharian seperti pengalaman, kepekaan, fokus dan ilmu pengetahuan masyarakat Melayu, alam haiwan dan tumbuhan dianggap sebagai satu cetusan idea untuk pengarang atau pengkaji. Menurut pandangan Eizah Mat Hussain (2016), setiap analisis kajian yang dijalankan amat sesuai untuk menggunakan Teori Puitika Sastera Melayu dalam mencapai sesuatu objektif kajian. Tambahan itu, wujud banyak pengaplikasian Teori Puitika Sastera Melayu berbanding kritikan kelemahan tentang teori ini.

Efrizal A.S (2012), turut menggunakan Teori Puitika Sastera Melayu dalam tesisnya di Universiti Malaya yang bertajuk *Kajian Estetika dalam Cerita Rakyat Melayu Kuantan Riau, Indonesia* di mana ia menggabungkan beberapa bahagian Teori Puitika Sastera Melayu dengan gabungan pendekatan yang dikeluarkan oleh Braginsky (1998) serta melalui pandangan Sidi Gazalba (2002). Dalam penghasilan makalah ini aspek estetika sosial-budaya masyarakat telah menjadi fokus utama dan telah menemukan estetika dari aspek fungsi cerita, analisis khalayak dan analisis kata-kata yang indah. Efrizal A.S juga menggunakan prinsip Puitika Sastera Melayu iaitu Khalayak di Serambi Pentas. Walau bagaimanapun, Teori Puitika Sastera Melayu ini dikatakan lebih kurang sama dengan Teori Sosiologi Sastera.

Kartini Anwar (2017), menjalankan satu kajian yang bertajuk *Tradisi Sastera Johor-Riau: Suatu Kajian Terhadap Syair Sejarah*. Dalam kajian ini enam syair sejarah telah dipillih menjadi bahan kajian. Antara enam syair tersebut ialah Syair Perang Johor, Syair Kisah Engku Puteri, Syair Sultan Mahmud di Lingga, Syair Perkahwinan Tik Sing, Syair Pangeran Syarif Hasyim dan Syair Perjalanan Sultan Lingga dan YTM Riau. Syair ini telah dihasilkan di Riau dari tahun 1844 hingga tahun 1893. Bagi melengkapkan kajian ini kerangka konsep Puitika Sastera Melayu telah dijadikan panduan perbincangan. Kajian ini lebih tertumpu kepada sejarah lepas dengan kuasa penjajahan kolonial. Konsep pengarang, teks, latar dan khalayak digunakan sepenuhnya. Secara tidak langsung, kajian ini menonjolkan kebijaksanaan penyair, pengarang dan mengenal pasti bagaimana semangat tersebut dimanifestasikan dengan peristiwa lepas melalui syair. Tuntasnya, fokus utama adalah fungsi sejarah dari aspek keindahan dan penganalisan dari sudut hermeneutik.

Tujuan kajian dijalankan ialah merungkaikan penulisan puisi tradisional pantun melalui kata tersirat dalam kajian yang bertajuk *Simbol Tumbuhan Dalam Pantun Dari Perspektif Puitika Sastera Melayu* oleh Eizah Mat Hussain, Tengku Mohd Ali, T. I. M., & Jaafar, S. (2017). Kebijaksanaan masyarakat Melayu dapat dilihat melalui penggunaan unsur alam sekitar dalam pantun yang dituturkan. Salah satu prinsip dari Teori Puitika Sastera Melayu telah digunakan untuk melihat keberkesanan simbol pantun dengan unsur alam. Bahan rujukan utama ialah *Buku Pantun Melayu Bingkisan Permata (2001)* yang telah diselenggara oleh Harun Mat Piah. Bagi merungkaikan penggunaan unsur keindahan dan keharmonian dalam karya boleh dilihat melalui prinsip kiasan dan saranan. Persamaan yang ada ialah menggunakan puisi tradisional untuk memperlihatkan

kebijaksanaan masyarakat, manakala perbezaannya ialah kriteria yang dibahaskan dalam setiap kajian.

2.4 Kajian Lepas Muhammad Haji Salleh

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Ghazali Din dan Abdul Halim Ali (2020), yang bertajuk *Naluri Kemasyarakatan mengangkat Keunggulan Kepengarangan Muhammad Haji Salleh terhadap Pembangunan Minda Bangsa Melayu* pengkaji ingin mengkaji tentang sumbangan dan kepengarangan Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh yang telah mengangkat martabat jati diri Melayu. Menerusi puisi-puisi yang dihasilkan oleh Muhammad Haji Salleh ia telah memberi sumbangan besar terhadap pembangunan minda masyarakat Melayu. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif dan kaedah kepustakaan serta menggunakan Model Proses Kreatif Teks naluri yang menggabungkan Teori Teksdealisme dan Teori Tipa Induk (Carl Gustav Jung) sebagai landasan analisis. Puisi-puisi terpilih karya Muhammad Haji Salleh dipilih untuk mencerminkan pemikiran dan membangunkan minda bangsa Melayu. Disebabkan oleh kreativiti dan kebijaksanaan beliau ia memperlihatkan lagi sumbangan Muhammad Haji Salleh sebagai pengarang yang berintelektual Melayu. Tahap keunggulan dalam dunia penyairan dan kepengarangan beliau dapat diungkap secara halus. Pada akhirnya, sumbangan Muhammad Haji Salleh mampu merentasi benua melalui puisi-puisi miliknya terhadap pembangunan minda dan peradaban Melayu.

Kajian oleh Nurzeti Ghafar (2001), yang bertajuk *Muhammad Haji Salleh: A Poet in Two Languages* membincangkan tentang kehebatan atau kelebihan Muhammad Haji Salleh sebagai tokoh dalam bidang sastera. Muhammad Haji Salleh seorang penyair dan juga penterjemah bahasa iaitu dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk membandingkan dua buah buku iaitu buku *Perjalanan Si Tanggung II* dan *The Travel Journals of Si Tanggung II*. Ia adalah untuk membincangkan persamaan dan perbezaan makna puisi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris oleh penghasilan puisi Muhammad Haji Salleh. Di samping itu, Nurzeti Ghafar turut mengkaji tentang pemikiran Muhammad Haji Salleh yang terdapat dalam puisi-puisi beliau. Walau bagaimanapun, kajian ini lebih kepada penterjemahan makna puisi dari bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris yang dihasilkan oleh Muhammad Haji Salleh.

Estetika dalam Puisi Usman Awang dan Muhammad Haji Salleh: Unsur-unsur Tradisi dan Inovasi adalah tajuk kajian yang dijalankan oleh Sakinah Abu Bakar (1998). Dalam kajian ini ia memperlihatkan perbezaan dan perbandingan aspek estetika dalam sajak-sajak Usman Awang dan Muhammad Haji Salleh. Kajian ini lebih berfokus dari aspek idea, tema, bentuk puisi, nada dan juga teknik puisi dalam perbandingan puisi-puisi Usman Awang dan Muhammad Haji Salleh yang berkait dengan unsur tradisi dan inovasi lalu menonjolkan nilai estetika dalam karya mereka.

Puisi-puisi Muhammad Haji Salleh: Satu Kajian Terhadap Tema dan Pemikiran adalah tesis yang dihasilkan oleh Mohd Nasir Md Nor (1991). Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji tema-tema dan pemikiran yang dihasilkan oleh Muhammad Haji Salleh melalui puisi-puisi ciptaan beliau melalui lima buah kumpulan puisi iaitu *Ini Juga Duniaku*, *Sajak-sajak Pendatang*, *Dari*

Seberang Diri, Buku Perjalanan Si Tanggung II dan Kalau, Atau dan Maka.
Dalam kajian ini tidak menyentuh berkenaan dengan hal budaya.

2.5 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, bab dua ini adalah berkenaan dengan kajian literatur atau kajian lepas yang mana kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk pengkaji dipilih untuk menonjolkan permasalahan yang berlaku. Dalam bab ini sebanyak 20 artikel atau kajian lepas digunakan. Kajian literatur yang lepas ini digunakan untuk dijadikan bahan panduan pengkaji. Kajian-kajian lepas juga banyak menggunakan teori yang sama iaitu Teori Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh. Di samping itu, pantun menjadi salah satu tempat untuk menilai atau menganalisis tentang nilai keindahan yang tersendiri. Walau bagaimanapun, kajian lepas sangat membantu pengkaji dalam melengkapkan kajian ini dan dapatlah pengkaji menjadikannya sebagai panduan dan melengkapkan kajian ini dengan baik. Fokus pengkaji adalah tentang nilai estetika dalam pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun: penerapan Puitika Sastera Melayu.*

BAB 3

DEFINISI TEORI ATAU PENDEKATAN

3.0 PENGENALAN

Teori atau pendekatan bermaksud satu pandangan yang telah dikemukakan oleh tokoh-tokoh tertentu yang ingin memberitahu atau menerangkan sesuatu perkara. Teori ini juga menjadi asas untuk perkembangan sesuatu ilmu atau perkara. Hal ini dikatakan demikian kerana teori atau pendekatan yang dikemukakan menjadi panduan yang tepat dan tetap untuk menjadikan sesuatu kajian itu lengkap serta berasaskan teori yang benar. Oleh hal demikian, penggunaan teori atau pendekatan adalah sangat tepat dan penting dalam sesuatu kajian.

3.1 Teori Puitika Sastera Melayu

Bidang puitika atau teori Puitika Sastera Melayu tempatan ini adalah salah satu ruang wacana yang baharu di Malaysia. Sebelum ini ramai rakyat dan pengkaji terbiasa dengan teori atau pendekatan yang telah diperkenalkan oleh tokoh-tokoh Barat. Disebabkan hal demikian, Muhammad Haji Salleh mula untuk memahami dengan lebih lanjut sebelum mengagaskan Teori Puitika Sastera Melayu ini kepada golongan pengkaji dan sastera.

3.2 Sejarah Teori Puitika Sastera Melayu

Teori Puitika Sastera Melayu telah diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh. Beliau merupakan professor sastera Melayu di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia. Sekitar akhir tahun 1989, Muhammad Haji Salleh adalah salah seorang yang dianggap sebagai seorang pelopor penerokaan teori sastera tempatan. Pada tahun 1989, gagasan Puitika Sastera

Melayu telah diperincikan dan diperjelaskan lagi dalam buku *Puitika Sastera Melayu: Satu Pertimbangan* yang telah diterbitkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia.

3.3 Ciri-ciri Teori Puitika Sastera Melayu

Setiap teori yang digagaskan oleh seseorang tokoh yang berpengalaman akan ada ciri-ciri utama yang menyebabkan ia dikenali sebagai satu teori yang berkesan. Ciri-ciri bermaksud satu unsur ataupun tanda yang memberikan satu kelebihan dalam membezakan sesuatu perkara. Sama juga dengan Teori Puitika Sastera Melayu yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh pada tahun 1989. Melalui Teori Puitika Sastera Melayu terdapat ciri-ciri yang boleh menjadi rujukan dan panduan tetap dalam kajian nilai estetika. Ciri-ciri Teori Puitika Sastera Melayu ialah keindahan dalam mengajar atau mendidik, keindahan dalam pengungkapan kesedihan dan kesusahan, keindahan dalam penceritaan, keindahan dalam rasa dan keindahan yang asli. Ciri-ciri yang ditetapkan oleh Muhammad Haji Salleh ini menjadi teras dan asas kepada Puitika Sastera Melayu. Ciri ini menjadi teras kerana pokok atau induk utama adalah estetika iaitu keindahan dan menjadi dasar pemikiran utama Muhammad Haji Salleh. Ciri-ciri yang ada dalam Teori Puitika Sastera Melayu ini akan meliputi semua yang berkaitan dengan karya, pengarang, wadah, estetika, khalayak dan bangsa pemilikinya. Pada akhirnya, ia membawa kepada fungsi wujudnya Teori Puitika Sastera Melayu ini untuk menghuraikan tentang ciri-ciri dan keindahan yang ada dalam semua aspek.

3.4 PENUTUP

Sebagai kesimpulannya, penggunaan teori atau pendekatan adalah diperlukan untuk menjadikan kajian yang dilakukan atau dijalankan lengkap dan tepat. Teori yang dikemukakan juga banyak oleh tokoh-tokoh terutama tokoh dalam sastera. Teori Puitika Sastera Melayu yang telah digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh telah lama dikemukakan kerana untuk menjelaskan berkenaan dengan estetika yang ada dalam sesuatu atau karya sastera. Oleh itu, pengkaji telah memilih teori ini untuk melihat nilai estetika yang ada dalam pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun* oleh Ismail Restu pada tahun 2014.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini merupakan bab yang akan menghuraikan berkenaan dengan objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Bab ini juga akan menerangkan secara lebih terperinci berkenaan dengan ciri-ciri yang menjadi teras dalam Teori Puitika Sastera Melayu dan nilai estetika dalam pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun: penerapan Puitika Sastera Melayu*. Analisis dan dapatan kajian pengkaji akan lebih terperinci dan pengkaji akan menghuraikan juga bagaimana perkaitan pantun kanak-kanak dengan teori yang dipilih iaitu Teori Puitika Sastera Melayu yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh. Dengan adanya dapatan kajian yang dijalankan berteraskan teori dipilih akan menimbulkan kesan keindahan dalam karya terpilih dan menjadi rujukan kepada bakal pengkaji yang seterusnya.

4.1 Nilai Estetika dalam Pantun Kanak-kanak *Adik Sayang Pantun*

4.1.1 Keindahan dalam Mengajar atau Mendidik

Keindahan dalam mengajar atau mendidik merupakan salah satu ciri yang berperanan untuk mengajar atau mendidik seseorang individu terutama kanak-kanak. Secara dasarnya, istilah mengajar adalah satu langkah yang menghasilkan situasi atau sistem lingkungan yang menyokong dan memberi satu kemungkinan berlakunya proses belajar berdasarkan karya yang digunakan. Mengajar adalah salah satu tugas guru dalam menyampaikan pengetahuan kepada anak didik.

Tambahan itu, R. Ibrahim dan Nana Syaodih S (2003) menyatakan bahawa mengajar itu mempunyai maksud yang lebih meluas dan banyak. Mengajar diertikan sebagai mengajar meliputi semua kegiatan yang membawa pelajar belajar. Hal ini dikatakan demikian kerana ia mendorong ke arah yang pelbagai dan menghasilkan satu kelebihan pada akhirnya kepada semua. Belajar dan mengajar adalah satu perkataan yang saling berhubung kait dan tidak dapat dipisahkan kerana ia sudah bertujuan pelajar belajar dan guru mengajar. Oleh hal demikian, sama juga dengan mengajar melalui karya seperti pantun kanak-kanak.

Mengajar dan mendidik adalah satu istilah yang membawa makna yang sama dalam sesuatu pelajaran. Didik adalah kata dasar untuk mendidik. Berdasarkan Falsafah Pendidikan Islam, mendidik melingkungi semua tugas dalam menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam. Sudah semestinya untuk menghasilkan pelajar yang pandai dan berilmu dalam semua perkara. Dengan adanya didikan dapatlah individu tersebut menjadi seorang yang berilmu. Keindahan dalam mengajar atau mendidik adalah teras yang membincangkan bagaimana isi kandungan dalam karya tersebut boleh memberikan pengajaran, pendidikan dan mesej kepada setiap pembaca atau pendengar.

Petikan 1:

Pokok Nangka di tepi parit,

Jangan suka terjerit-jerit.

(Ismail Restu, 2014: 1)

Berdasarkan petikan di atas, dapat dilihat bahawa pantun ini menjadi satu bahan mengajar atau mendidik kepada kanak-kanak. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap karya yang dikeluarkan atau dibuat oleh pengarang adalah bertujuan untuk menimbulkan nilai keindahan dalam mengajar dan mendidik. Seperti pantun kanak-kanak di atas, pantun ini adalah untuk mengajar kanak-kanak dengan menasihati melalui pantun iaitu kita sebagai manusia makhluk ciptaan Allah SWT tidak boleh terjerit-jerit kerana ia adalah satu sifat yang tidak disukai Allah SWT. Individu yang suka terjerit-jerit adalah sangat tidak manis dipandang orang dan akan mendatangkan kesan tidak baik kepada diri sendiri juga. Melalui pantun jelas memaparkan bahawa ada ciri-ciri mengajar atau mendidik yang dipaparkan melalui pantun kanak-kanak ini. Pantun ini juga membantu kanak-kanak untuk lebih memahami dengan lebih mudah berkenaan dengan apa yang diajar di samping memberi pengajaran yang jelas dalam memperbaiki adab kepada kanak-kanak. Berdasarkan ciri-ciri ini wujudnya keindahan dalam mengajar atau mendidik yang ingin dipertontonkan kepada masyarakat dan kanak-kanak. Jelaslah, pantun di atas mempunyai ciri-ciri keindahan dalam mengajar atau mendidik dalam penyampaian sesuatu pengajaran.

Petikan 2:


Masuk ke desa berbaju batik,
Ikan kelisa memang cantik.

(Ismail Restu, 2014: 22)

Petikan 2 di atas menunjukkan salah satu pantun yang mempunyai ciri-ciri keindahan dalam mengajar atau mendidik. Hal ini dikatakan demikian kerana pantun di atas adalah bertemakan nama-nama ikan yang perlu diperkenalkan kepada kanak-kanak sejak dari awal lagi. Kanak-kanak sememangnya perlu didedahkan dengan perkara asas terlebih dahulu supaya mereka dapat mengingat dan mengenal sesuatu perkara dengan mudah. Melalui pantun di atas juga pantun tersebut menjadi salah satu cara mengajar kanak-kanak dengan senang kerana perkataan yang digunakan adalah mudah dan senang untuk difahami. Sebagai contohnya, masuk ke desa berbaju batik jelas menunjukkan keindahan dalam penggunaan kata yang disusun secara terperinci dan menarik untuk kanak-kanak. Manakala ikan kelisa memang cantik adalah ilmu mengajar yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada pembaca iaitu kanak-kanak. Secara tidak langsung, keindahan yang ingin disampaikan menimbulkan nilai estetika atau keindahan berteraskan ciri-ciri yang dikeluarkan oleh Muhammad Haji Salleh dalam teorinya Puitika Sastera Melayu. Jelaslah, petikan pantun di atas mempunyai keindahan dalam mengajar atau mendidik kepada kanak-kanak.

A) Keindahan dalam Mengajar atau Mendidik melalui Susun Atur Buku

Keindahan dalam mengajar atau mendidik juga dapat dilihat berdasarkan susun atur, bahasa yang digunakan, diksi, tema dan sebagainya. Hal ini dikatakan demikian kerana perkara sedemikian mempunyai peranan masing-masing dalam mewujudkan nilai keindahan dalam mengajar atau mendidik. Susun atur buku sudah semestinya memainkan peranan awal menimbulkan nilai keindahan dalam mengajar atau mendidik kanak-kanak.



Gambar 1: Buku Pantun Kanak-kanak *Adik Sayang Pantun*

Berdasarkan buku kumpulan pantun kanak-kanak iaitu *Adik Sayang Pantun* oleh Ismail Restu di atas dilihat bahawa mempunyai susun atur muka depan dan isi pada bahagian dalamnya sangat menarik untuk dijadikan sebagai bahan pengajaran kanak-kanak. Berdasarkan susun atur muka depan buku kanak-kanak tersebut menunjukkan bahawa kanak-kanak akan tertarik untuk

membaca dan mendalami perkara baru seperti pembelajaran pantun. Susun atur muka depan tersebut mempunyai warna yang bersesuaian dan corak lukisan yang mudah sahaja. Oleh itu, susun atur buku pantun kanak-kanak itu sendiri berperanan dalam menimbulkan keindahan dalam mengajar atau mendidik dan senang untuk menarik perhatian kanak-kanak sejak dari awal lagi. Jelaslah, susun atur buku pantun kanak-kanak ini mampu menyelitkan ciri keindahan melalui kaedah mengajar dan mendidik.

4.1.2 Keindahan dalam Pengungkapan Kesedihan dan Kesusahan

Sedih adalah normal dan merupakan fitrah untuk semua insan. Kesedihan berlaku apabila berlakunya sesuatu perkara yang mengecewakan, kekurangan terhadap sesuatu perkara, kehilangan dan sebagainya lagi. Perasaan sedih ini menggambarkan perasaan yang sedih, susah hati dalam menghadapi sesuatu perkara. Boleh dikatakan seseorang individu yang mengalami kesedihan akan lebih banyak mendiamkan diri dan kurang bersosial dengan yang lain. Manakala, kesusahan adalah salah satu kesulitan atau kesukaran yang dihadapi oleh seseorang individu. Kesusahan yang berlaku adalah tidak dapat dijangka kerana ia akan berlaku pada bila-bila masa sahaja. Walau bagaimanapun, pengungkapan kesedihan dan kesusahan ini sendiri mempunyai keindahan dari beberapa aspek.

Petikan 3:

Baju carik pembungkus asam,
Usah tarik muka masam.

(Ismail Restu, 2014: 3)

Melalui petikan pantun kanak-kanak di atas menyampaikan maksud bahawa kita tidak boleh membuat muka masam di hadapan orang terutama orang yang lebih berusia. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila kita menarik muka masam perasaan tidak senang hati, sedih dan gusar akan berlaku kepada pihak tertentu. Di samping itu, pantun ini mengajar bahawa kanak-kanak perlu senyum dan memaniskan muka agar tidak menimbulkan pelbagai reaksi dari semua pihak seperti ibu bapa, adik beradik dan guru-guru sekiranya di sekolah. Walau bagaimanapun, pantun kanak-kanak di atas turut menimbulkan kesan keindahan oleh kerana beberapa aspek yang menepati keadaan tertentu. Pengungkapan perasaan gusar, sedih dan susah akan turut dipaparkan ke dalam diri kanak-kanak setelah membaca dan memahami maksud yang ingin disampaikan kepada mereka. Oleh itu, sedikit sebanyak menimbulkan keindahan yang melibatkan perasaan dan rasa serta mengungkapkan sesuatu kesedihan dan kesusahan seseorang seperti pengarang. Terbuktilah bahawa keindahan dalam pengungkapan kesedihan dan kesusahan diungkap oleh pengarang dalam buku pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun*.

4.1.3 Keindahan dalam Penceritaan

Penceritaan adalah satu naratif atau cerita yang menyampaikan sesuatu kejadian atau kisah di sebalik apa yang terjadi. Penceritaan ini adalah berdasarkan isi kandungan atau kisah di dalamnya yang diceritakan dari awal sehingga akhir cerita. Penceritaan ini juga memerihalkan pelbagai situasi yang dihadapi dan diterap masuk ke dalam karya seperti pantun. Penceritaan yang berlaku adalah berkisarkan laluan yang benar seperti mengikut plot cerita supaya apa yang ingin disampaikan jelas dan mengikut kronologi yang betul.

Petikan 4:

Ular sawa di tepi gua,
Gendang Jawa bermuka dua.

(Ismail Restu, 2014: 18)

Petikan pantun di atas bermaksud untuk memberi pelajaran kepada kanak-kanak untuk mengetahui berkenaan dengan alat muzik tradisional iaitu gendang Jawa. Pantun ini mempunyai ciri keindahan dalam penceritaan kerana pada awal baris pertama pengarang menceritakan bahawa ada ular sawa yang hidup di tepi gua. Lalu, baris kedua pula pengarang menyampaikan maksud bahawa alat muzik tradisional iaitu gendang Jawa mempunyai dua muka. Dapat dilihat bahawa keindahan terpancar melalui pemerihalan sesuatu benda seperti gendang Jawa tersebut dalam petikan pantun kanak-kanak di atas. Plot cerita atau maksud yang ingin disampaikan dalam pantun di atas diceritakan dengan baik dan menunjukkan kesan penyusunan kata yang bagus serta menimbulkan keindahan dalam penceritaan sesebuah karya seperti dalam pantun kanak-kanak tersebut. Oleh itu, setiap penceritaan yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam sesebuah karya dapat disampaikan juga melalui pantun

berdasarkan plot atau susunan dalam karya tersebut dan wujudnya keindahan dalam pantun kanak-kanak.

4.1.4 Keindahan dalam Rasa

Rasa adalah satu sifat yang melibatkan perasaan juga yang lahir setelah pembacaan dan pendengaran sesebuah karya. Melalui pembacaan dan pendengaran akan membuahkan rasa senang dan puas hati sekali gus menimbulkan keindahan dalam sesebuah karya. Berdasarkan karya yang dikarang atau dihasilkan oleh pengarang ia banyak menimbulkan keindahan dalam rasa. Hal ini dikatakan demikian, melalui karya pengarang dapat meluahkan perasaan sama ada gembira, sedih, gelisah dan sebagainya lagi. Keindahan dalam rasa ini dapat dilihat berdasarkan petikan pantun kanak-kanak di bawah.

Petikan 5:

Burung pekaka terbang ke lombong,
Jangan suka berlagak sombong.

(Ismail Restu, 2014: 6)

Berdasarkan petikan pantun di atas menunjukkan bahawa pantun tersebut bermaksud seseorang individu tidak boleh untuk mempunyai sikap yang berlagak dan sombong kerana akan mendatangkan kesan yang tidak baik kepada pihak yang terlibat. Hal ini juga boleh membuatkan hubungan antara seseorang renggang dan tidak baik. Walau bagaimanapun, terdapat keindahan dalam rasa melalui pantun kanak-kanak di atas. Hal ini dikatakan demikian kerana kanak-kanak yang membaca atau mendengar karya pantun ini akan menimbulkan perasaan yang pelbagai. Sebagai contoh, malu dengan sikap berlagak sombong,

sedar akan kesilapan, teruja dan sebagainya. Melalui pantun di atas kanak-kanak akan menyedari bahawa sikap berlagak sombong akan merugikan diri sendiri. Di samping itu, perasaan malu juga akan wujud. Hal ini kerana kanak-kanak akan berasa malu setelah menyedari berlagak sombong itu perangai yang tidak baik. Seterusnya, kanak-kanak akan mempunyai perasaan gembira kerana mereka dapat mempelajari sesuatu perkara yang baru. Oleh itu, setiap hasil karya seperti pantun kanak-kanak menimbulkan keindahan rasa yang pelbagai kepada diri mereka.

4.1.5 Keindahan yang Asli

Maksud asli adalah sesuatu perkara yang asal dan tiada campuran daripada mana-mana. Keaslian ini adalah satu sifat yang sebenar dan membawa kepada keindahan. Sesuatu benda atau perkara yang dihasilkan secara asli dapat menimbulkan keindahan tertentu. Ciri ini menunjukkan hasil karya-karya sastera seperti pantun, syair dan lain-lain lagi. Keaslian atau kesamaan ini dapat dilihat dari aspek jumlah baris dalam satu rangkap, jumlah suku kata, jumlah kata dan sebagainya. Sama juga dengan keindahan yang asli melalui pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun* oleh Ismail Restu.

Petikan 6:

Pokok setui batangnya licin,
Ikan kalui mulutnya kecil.

(Ismail Restu, 2014: 22)

Petikan pantun kanak-kanak di atas menyampaikan pelajaran baru kepada kanak-kanak iaitu tentang tema ikan dan mengenali ciri-ciri yang ada pada ikan tersebut iaitu ikan kalui yang mempunyai mulut yang kecil sahaja. Petikan di atas juga menunjukkan keaslian dalam pantun yang ditunjukkan oleh pengarang. Keaslian ini menimbulkan keindahan dalam karya pantun kanak-kanak di atas. Hal ini dikatakan demikian kerana jumlah suku kata yang digunakan dalam petikan pantun kanak-kanak di atas adalah sama iaitu sebanyak empat patah perkataan. Di samping itu, dapat dilihat juga bahawa bilangan baris yang ada dalam pantun tersebut iaitu pantun dua kerat. Di sini jelas menunjukkan bahawa terdapat ciri-ciri tradisional dalam pantun kanak-kanak tersebut yang membawa kepada keindahan yang asli. Kanak-kanak juga boleh belajar tentang cara pembuatan pantun kerana pantun dua kerat adalah salah satu jenis pantun. Keindahan yang asli ini juga dapat dilihat berdasarkan rima atau pola akhir pantun tersebut. Buktinya, diujung baris pantun mempunyai sebutan yang hampir sama iaitu **licin** dan **kecil**. Secara tidak langsung, keindahan wujud kerana keasliannya dalam penyampaian pantun kanak-kanak dengan baik.

4.2 Nilai Estetika dalam Pantun Kanak-kanak *Adik Sayang Pantun Satu Penerapan Puitika Sastera Melayu*

4.2.1 Mainan Kiasan dan Saranan

Pantun terkenal dengan fungsinya yang mempunyai maksud tersurat dan tersirat. Pantun juga merupakan pantun yang mempunyai bahasa yang halus dalam penyampaianya. Hal ini dikatakan demikian, pantun merupakan salah satu penyampaian yang digunakan untuk sesuatu perkara dengan cara yang halus tanpa mengguris perasaan mana-mana pihak. Sama juga dengan mainan kiasan dan saranan. Mainan kiasan dan saranan ini salah satu cara di mana maksud pantun itu disampaikan dan dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran terutama kepada golongan kanak-kanak. Terkadang dalam setiap karya terdapat banyak baris-baris yang disampaikan secara terus kepada pembaca tetapi nilai keindahan yang disampaikan ialah implikasi atau makna adalah secara halus dan hampir tidak dirasakan secara terus. Menurut Muhammad Haji Salleh (2006), pantun yang baik adalah citra pantun yang disampaikan dalam bentuk mengejek, sindiran, godaan dan sebagainya dan ia lebih bersesuaian. Pantun dibahagikan kepada dua jenis iaitu pantun dua kerat dan pantun empat kerat. Pembayang pantun dua kerat adalah pada baris pertama manakala baris keduanya adalah maksud yang ingin disampaikan. Bagi pembayang pantun empat kerat pula adalah dua baris pertama dan dua baris terakhir pula maksudnya. Untuk pantun dua kerat ia tetap dapat disampaikan dengan baik kerana ia menggunakan lontaran pembacaan pantun tersebut dengan alunan muzik tertentu. Muhammad Haji Salleh (2006), ada menyatakan bahawa pembayang akan membawa maksud secara samar-samar dan boleh mengimajinasikan para pendengar dan pembaca dengan dunia sebenar.

Mainan kiasan dan saranan ini juga menjadi salah satu jalan yang terbaik dan selamat untuk menjaga air muka dan harga diri seseorang apabila ditegur. Oleh itu, teknik yang digunakan oleh pengarang ialah mainan kiasan dan saranan sangat banyak kerana ia melibatkan keunikan yang tersendiri dalam penyampaian yang ingin disampaikan secara halus.

Petikan 7:

Pakaian puteri pelbagai warna,
Perbuatan mencuri sangat hina.

(Ismail Restu, 2014: 5)

Berdasarkan petikan 7 di atas, pengkaji menggunakan mainan kiasan dan saranan dalam pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun*. Penggunaan mainan kiasan dan saranan ini adalah bertujuan untuk menegur atau nasihat dengan menggunakan cara yang halus pada baris pertama iaitu “Pakaian puteri pelbagai warna” yang dikenali sebagai pembayang pantun dua kerat tersebut. Melalui baris pertama ini dapat dilihat bahawa pengarang menggunakan sesuatu perkara seperti pakaian manusia yang mempunyai pelbagai warna sebagai kiasan dalam menyampaikan secara halus. Ia juga menunjukkan bahawa pengarang tersebut tidak berkasar sebelum menyampaikan maksud sebenar pantun itu. Pakaian adalah satu perkara yang baik dan cantik dalam menggambarkan sesuatu seperti satu benda yang menutupi. Baris kedua iaitu “Perbuatan mencuri sangat hina” pula adalah maksud yang ingin disampaikan dan ia adalah satu saranan. Apa yang ingin disampaikan oleh pengarang ialah mencuri adalah satu perbuatan yang tidak baik dan dipandang hina oleh semua orang. Oleh hal demikian, kita sebagai umat Nabi Muhammad SAW tidak boleh mencuri kerana ia satu perbuatan yang akan dipandang rendah oleh orang lain. Oleh itu, pantun dua

kerat ini membawa maksud bahawa kita tidak boleh mencuri dan perlu berusaha untuk mendapatkan sesuatu benda. Pantun ini juga sangat berpengaruh di mana ia menjadi satu tarikan kepada para pembaca terutama kanak-kanak melalui mainan kiasan dan saranan.

Petikan 8:

Rindu melanda jika berjauhan,
Daulat pula bererti kekuasaan.

(Ismail Restu, 2014: 12)

Berdasarkan petikan di atas, pantun di atas adalah bertemakan bahasa diraja yang merupakan salah satu pantun pengajaran dan pembelajaran kepada kanak-kanak. Baris pertama pantun tersebut merupakan salah satu kesopanan dalam bahasa kerana ia menggunakan bahasa dan perkataan yang lembut dan halus untuk membawa pembaca kepada imaginasi yang tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana “Rindu melanda jika berjauhan” adalah satu ayat yang menggambarkan di mana pasangan yang saling sayang menyayangi akan berasa rindu yang amat setelah tinggal berasingan atau jauh antara satu sama lain. Pemikiran lain yang ingin disampaikan dalam baris pertama pantun di atas ialah pasangan yang saling menyayangi antara satu sama lain perlu berusaha dan sanggup untuk menahan rasa rindu tersebut dan perlu bijak juga dalam mengawalinya. “Daulat pula bererti kekuasaan” adalah saranan atau makna yang ingin disampaikan kepada pembaca. Hal ini adalah kerana pantun ini bertemakan bahasa diraja. Baris tersebut ingin menyampaikan pesan bahawa seseorang pemimpin yang mempunyai kekuasaan perlulah menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik dan adil supaya sentiasa dihormati oleh semua rakyat di bawah pimpinannya. Ia juga bererti bahawa kekuasaan yang ada pada diri

seseorang tidak boleh membawa ketenangan sekiranya ia tidak dijalankan dengan sebaik mungkin. Di samping itu, pantun ini ingin menyampaikan mainan kiasan dan saranan seperti daulat itu adalah satu kuasa yang ada pada pemimpin seperti raja, menteri dan sebagainya. Oleh itu, jelas pantun yang bertemakan bahasa diraja ini menerapkan mainan kiasan dan saranan yang jelas dalam menyampaikan sesuatu pengajaran kepada masyarakat terutama kanak-kanak serta nilai estetika ada melalui pantun ini.

4.2.2 Sesuai dan Patut

Sesuai boleh diertikan sebagai satu perkataan yang padan sangat atau cocok. Manakala, patut pula ialah sesuatu sifat yang elok atau baik. Sesuai dan patut ini boleh dikatakan sesuatu penggunaan yang tepat dan sesuai dari segi baris, perkataan dan sebagainya lagi. Menurut Muhammad Haji Salleh (2006), patut dari istilah seni bermaksud penggunaan yang tepat, khusus dan sesuai dengan baris. Sesuai dan patut juga boleh dikatakan sebagai satu situasi yang tidak bertentangan dan tidak melihatnya sebagai sesuatu yang pelik. Di samping itu, istilah patut diertikan juga perlu mengikut kesesuaian dan tidak boleh berlebihan. Disebabkan hal yang demikian, patut dengan lebih tepatnya berada di aras kesederhanaan yang tidak berlebihan. Hal ini kerana, pengarang akan menggunakan kepelbagaian dari aspek bentuk serta kata yang padan dalam mengaitkan kata-kata dalam baris dengan kesesuaian yang tepat. Pengarang sesuatu karya juga perlu menggunakan kepelbagaian bentuk, irama, unsur metafora, kata-kata dan sebagainya. Secara tidak langsung, ia menimbulkan keindahan dalam sesebuah karya terutama dalam karya pantun kanak-kanak kajian ini. Oleh itu, pengarang perlu berusaha mencari yang patut dan yang

sesuai di jalan tengah kreativiti, dan kejayaan karya akan diukur berdasarkan nilai-nilai ini juga.

Petikan 9:

Datuk Penghulu pergi ke pasar,
Jangan lalu secara kasar.

(Ismail Restu, 2014: 4)

Berdasarkan petikan di atas, dua sifat puisi yang baik telah diketengahkan oleh pengarang. Pantun di atas adalah merupakan tentang seseorang kanak-kanak atau individu yang berjalan secara kasar di depan orang menunjukkan sikap yang tidak beradab dan tidak patut untuk diamalkan. Melalui petikan pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun* di atas juga pengarang menggunakan kata yang sesuai dan patut. Pantun tersebut juga melihatkan kesesuaian nilai atau pengajaran yang hendak disampaikan kepada pembaca atau pendengar terutama kanak-kanak dapat disampaikan dengan jelas dan baik. Hal ini boleh dilihat pada baris kedua pantun tersebut iaitu "Jangan lalu secara kasar". Kata yang sesuai iaitu jangan lalu dan diikuti dengan secara kasar memberikan makna ia satu sifat tidak baik dan tidak beradab. Berdasarkan kata yang digunakan dalam baris tersebut ia menunjukkan kesesuaian dan padanan yang tepat serta tidak melawan arus penyampaian maksud. Gaya dan persembahan penyampaiannya juga tidak boleh memaparkan dan mendengarkan kekasaran, tergapoh-gopoh dan sebagainya. Pantun di atas turut sesuai dan patut kerana ia memberi makna dalam menasihati sambil menjaga maruah diri seseorang individu. Hal ini kerana ia memperlihatkan keharmonian dan keselarasan antara baris demi baris pantun tersebut. Perkataan yang digunakan dalam pantun di atas juga sangat sesuai dan patut berdasarkan kata-kata yang digunakan dalam setiap baris dalam satu rangkap pantun. Jelaslah, ciri-ciri yang ingin disampaikan

melalui pantun kanak-kanak ini mampu menimbulkan nilai bahasa yang indah dan peka terhadap jalan cerita yang dihadapi dalam kehidupan kini. Oleh itu, pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun* karya Ismail Restu ini telah menunjukkan nilai-nilai keindahan melalui sesuai dan patut berdasarkan Teori Puitika Sastera Melayu yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh.

Petikan 10:

Pakaian puteri pelbagai warna,
Perbuatan mencuri sangat hina.

(Ismail Restu, 2014: 5)

Selain itu, petikan pantun di atas juga adalah salah satu contoh yang bersesuaian dengan sesuai dan patut. Hal ini dikatakan demikian kerana pantun di atas ingin menyampaikan makna bahawa perbuatan mencuri itu adalah satu sifat yang sangat tidak elok dan akan dipandang hina oleh semua orang. Perbuatan mencuri tersebut juga akan mendatangkan kesan yang buruk kepada diri sendiri dan orang sekeliling yang terlibat. Kata yang digunakan pada baris kedua tersebut menunjukkan kata yang sesuai dan patut serta ianya tidak bertentangan dengan maksud yang disampaikan. Ia juga menunjukkan perkaitan yang baik dalam menyampaikan pesanan kepada kanak-kanak menerusi pembelajaran mereka. Nilai murni nasihat atau teguran ini mampu disampaikan secara halus dan ia tidak mengguriskan perasaan orang yang membaca atau mendengarnya. Melalui pantun di atas ini juga dapat dilihat pengarang ingin menunjukkan kesesuaian atau padanan yang elok untuk ditonjolkan dalam baris tersebut. Baris pertama pantun tersebut turut tidak menunjukkan kata yang janggal dan pelik. Tambahan itu, kata-kata dalam baris tersebut menunjukkan kesederhanaan dalam penggunaan kata. Kanak-kanak yang mempelajari pantun

ini boleh berhibur dan tidak mendatangkan tekanan kepada mereka dan seterusnya psikologi kanak-kanak turut berkembang maju. Oleh hal demikian, penerapan Teori Puitika Sastera Melayu boleh dilihat melalui pemilihan kata-kata yang tepat dan sesuai dalam karya pantun *Adik Sayang Pantun*.

Petikan 11:

Sepasang burung membuat sarang,
Bercakap bohong dibenci orang.

(Ismail Restu, 2014: 6)

Berdasarkan petikan di atas, baris kedua iaitu “Bercakap bohong dibenci orang” merupakan pesanan yang ingin disampaikan oleh pengarang di mana ia menyatakan bahawa seseorang yang suka berbohong akan dibenci oleh orang. Sifat ini tidak baik dan akan memberikan kesan buruk seperti wujudnya perasaan hina dan benci oleh orang lain. Berdasarkan pantun di atas juga kanak-kanak yang suka berbohong ini akan mempunyai satu perasaan yang tidak tenang setelah berbohong. Perkataan yang digunakan oleh pengarang dalam pantun di atas juga adalah sesuai dan patut. Hal ini dikatakan demikian kerana baris kedua tersebut iaitu “Bercakap bohong dibenci orang” menunjukkan satu padanan kata yang tidak melawan maksud pantun tersebut. Perkataan bohong juga merupakan satu perbuatan yang akan dibenci oleh rakan-rakan dan masyarakat disebabkan oleh perbuatan orang berbohong tersebut. Baris tersebut juga menunjukkan keselarasan kata yang digunakan dengan baik. Makna pantun yang ingin disampaikan oleh pengarang juga turut sampai dan jelas kepada para pembaca dan pendengar terutama golongan kanak-kanak. Jelaslah, pengarang bijak dalam pemilihan kata yang digunakan dan kata-kata yang dipilih tersebut juga menimbulkan nilai keindahan berdasarkan Teori Puitika Sastera Melayu yang

digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh dan akhirnya membawa kepada penyampaian makna yang tepat, penggunaan kata yang patut dan bersesuaian.

4.2.3 Keindahan Sama Ukuran

Keindahan sama ukuran merupakanimbangan, harmoni dalam sesebuah pantun untuk menunjukkan pantun terlihat kemas dan baik. Nilai keindahan atau nilai estetika penting ini akan dimanifestasikan dalam bentuknya. Hal ini kerana bentuk itu membantu menonjolkan keindahan sesebuah karya pantun. Ia juga menunjukkan di mana pembayang dan maksud pantun dalam ada persamaan yang sama seperti bilangan patah perkataan, rima, bentuk pantun dan sebagainya lagi. Keindahan sama ukur dapat dilihat apabila dalam satu-satu pantun tersebut tiada kekurangan dan kelebihan dalam penyampaiannya. Keindahan dan nilai estetika dalam sesebuah pantun juga dizahirkan dalam bentuk pantun tersebut (Muhammad Haji Salleh, 2006). Ukuran ini bukan sahaja dilihat atau terlihat pada mata tetapi semuanya diukur agar memenuhi suatu ruang kertas atau bunyi secara tepat dan rapi. Oleh hal demikian, jumlah yang sama ukuran, rentak dan sebagainya adalah satu bentuk dalam baris-baris pembayang yang digunakan. Pada pengakhirannya, kesemua bentuk pantun tersebut menghasilkan keindahan dalam pantun seperti rima sama, jumlah perkataan dan mudah untuk dibaca terutama kepada kanak-kanak. Ia juga mampu menimbulkan kesan keindahan serta menarik perhatian golongan kanak-kanak dalam mempelajari sesuatu perkara baru.

Petikan 12:

Membuka jaring berbelit-belit,
Serunai pengiring wayang kulit.

(Ismail Restu, 2014: 27)

Berdasarkan petikan 12 di atas, pantun dua kerat dalam teks *Adik Sayang Pantun* menunjukkan nilai estetika melalui keindahan sama ukuran. Penggunaan tersebut juga menunjukkan kesempurnaan, imbangan dan harmoni dalam pantun tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana keindahan pantun itu ada nilai keindahannya apabila struktur binaan itu sama ukurannya. Pantun dianggap sempurna kerana jumlah suku kata antara lapan hingga sepuluh suku kata dan secara tidak langsung ia menarik minat para pembaca dalam melantunkan bacaan pantun. Dalam pantun di atas jumlah suku kata atau bilangan pada perkataan adalah sama iaitu empat suku kata pada baris pembayang pantun dan empat suku kata pada baris maksud pantun. Jumlah perkataan yang sama ini akan mendatangkan irama dan muzik yang indah. Seterusnya, pada baris pembayang iaitu “Membuka jaring berbelit-belit” menunjukkan ada irama muzik dalam pembacaan pantun ini di mana ia sama dengan suku kata maksud pantun iaitu “Serunai pengiring wayang kulit”. Pantun dua kerat tersebut menunjukkan irama yang menarik kerana suku kata akhirnya sama iaitu berbelit-belit dan kulit. Kesatuan irama juga dapat dilihat berdasarkan kata-kata diakhir setiap baris pembayang dan maksud pantun. Berdasarkan pantun di atas juga ia ingin menunjukkan keindahan berdasarkan bentuk pantun tersebut walaupun pantun tersebut adalah berkenaan dengan tema alat muzik. Jelaslah, nilai estetika ini menunjukkan kesenian serta keindahan dalam pantun dan pantun yang baik akan mengikut aturannya yang lengkap dan sempurna. Makna dan pengajaran

melalui pantun di atas juga adalah sampai dengan cara menerapkannya melalui pembacaan pantun.

Petikan 13:

Nampak manis dara teruna,
Nobat sejenis muzik istana.

(Ismail Restu, 2014: 27)

Berdasarkan petikan pantun di atas dapat dilihat juga ada keindahan sama ukuran dalam pantun kanak-kanak. Hal ini dikatakan demikian kerana jumlah suku kata dalam pantun tersebut adalah sama iaitu empat pada baris pembayang dan empat pada baris maksud pantun. Ia sama juga dengan petikan pantun di atas. Selain itu, dapat dilihat keindahan sama ukuran dari irama muzik yang ada iaitu pada rima akhir pantun seperti “teruna” dan “istana”. Sekiranya rima akhirnya dibaca ia menunjukkan satu irama dan ia berbunyi senada sahaja. Secara tidak langsung, pantun ini menunjukkan keseimbangan yang baik kerana pembuatan pantun tersebut menurut aturan yang betul dan tepat tentang keindahan sama ukuran. Dari sudut bentuk pantun juga ia menunjukkan ketidaklebihan dalam berkarya dan harmoni dari baris ke baris lain. Secara tidak langsung, ia menunjukkan kesempurnaan dan mempunyai pasangan yang tepat dalam pantun kanak-kanak di atas. Keindahan sama ukuran penting untuk digarapkan kerana ia mementingkan keindahan nilai estetika itu sendiri. Keindahan sama ukuran ini jelas menunjukkan kepelbagaian idea pengarang dalam memberi sesuatu pengajaran kepada kanak-kanak melalui pembacaan pantun. Pantun dua kerat ini juga dijadikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran kepada kanak-kanak dengan mudah dan baik. Pantun ini

sangatlah mudah untuk difahami kerana penggunaan kata yang tidak sarat dengan pelbagai maksud dan sangat senang untuk difahami oleh kanak-kanak.

4.2.4 Dunia Berjodoh

Dunia berjodoh merupakan perkaitan antara manusia dan persekitaran alam semula jadi seperti flora dan fauna. Pengarang yang menerapkan nilai keindahan sesebuah karya seperti pantun kanak-kanak turut membuktikan diri pengarang sebagai seorang pemerhati yang tekun, rajin, sabar dan teliti. Dunia berjodoh juga menunjukkan sisi pemikiran pengarang juga yang melibatkan dunia dalaman dan dunia luaran yang ada. Dunia dalaman adalah dunia yang melibatkan pemikiran atau idea pengarang itu sendiri manakala, dunia luaran adalah dunia yang melibatkan dunia persekitaran seperti haiwan, tumbuh-tumbuhan, alam sekitar yang lain dan sebagainya lagi. Oleh itu, perkaitan yang dinyatakan tersebut ialah dunia berjodoh. Penggunaan yang berkaitan dengan dunia berjodoh ini juga satu pengalaman yang dialami oleh pengarang lalu menerapkannya ke dalam karya. Berdasarkan pengalaman tersebut ia menimbulkan keharmonian. Unsur harmoni yang ada mampu menenteramkan dalam menjalani kehidupan yang sejahtera. Unsur yang digunakan berdasarkan alam semula jadi adalah apabila penggunaan itu ada secara teratur dan susunannya jelas lalu menunjukkan imbalan dalam sesebuah karya yang dihasilkan. Dunia berjodoh ini telah melibatkan suatu pelajaran daripada persekitaran alamiah manusia itu sendiri di mana ia menunjukkan dunia terbahagi kepada dua bahagian iaitu alam raya dan alam manusia dan masyarakat sekitarnya. Walau bagaimanapun, belahan kedua-dua ini adalah belahan yang saling melengkapi antara satu sama lain. Dua baris pertama dalam pantun empat kerat selalunya pengarang menggunakan sumber alam manakala

dua baris terakhir pengarang menyampaikan pemikiran yang ada pada pengarang dan juga sebaliknya untuk pantun dua kerat. Secara tidak langsung, pengarang menunjukkan sisi saling melengkapi antara satu sama lain dalam membentuk sesuatu nilai estetika.

Petikan 14:

Buah berangan dibawa ke Segamat,
Ciumlah tangan tanda hormat.

(Ismail Restu, 2014: 3)

Berdasarkan petikan pantun dua kerat di atas dapat dilihat bahawa ada unsur alam dan juga pemikiran pengarang dalam menyampaikan sesuatu maksud atau pengajaran dan nasihat. Hal ini dikatakan demikian, pada baris pertama iaitu “Buah berangan dibawa ke Segamat” menunjukkan unsur alam semula jadi iaitu dengan menggunakan buah berangan sebagai objek pembayang. Pada rangkap kedua pula “Ciumlah tangan tanda hormat” menunjukkan pemikiran pengarang yang ingin disampaikan kepada kanak-kanak dan masyarakat bahawa mencium tangan orang yang lebih berusia menunjukkan tanda hormat kepada mereka. Buah berangan merupakan buah yang berbentuk bulat, dan mempunyai sedikit bulu-bulu pada kulitnya seperti buah rambutan. Buah berangan adalah buah yang keras dan ia boleh diperolehi dari beberapa spesies pokok meluruh bertaburan asal dari kawasan-kawasan beriklim sederhana di Hemisfera Utara. Buah berangan ini pula mempunyai khasiat seperti baik untuk sistem penghadaman, cerdaskan minda, mengawal tekanan darah dan juga mengawal ketumpatan tulang. Semua yang diperlukan oleh tubuh badan manusia terdapat dalam buah berangan ini. Jelaslah, buah berangan dalam baris pantun di atas menjadi bahan pembayang alam semula jadi dan

penyeri keindahan dalam irama pantun. Baris kedua melibatkan buah pemikiran pengarang dalam menyampaikan pesan terutama kepada kanak-kanak iaitu “ciumlah tangan tanda hormat”. Baris kedua pantun kanak-kanak ini ingin menyampaikan makna iaitu sebagai tanda hormat kepada orang yang lebih berusia atau berpangkat perlulah kita mencium tangannya sebagai tanda kita menghormati individu tersebut. Dengan cara ini kanak-kanak akan mendapat nilai pengajaran dalam menghormati orang tua seperti ibu bapa, guru-guru dan sebagainya. Tambahan itu, keseimbangan pantun turut ditonjolkan kerana penggunaan kata yang menarik dan bagus serta nilai keindahan wujud dengan serta merta. Pengalaman pengarang juga terserlah dan mampu memberikan idea bernas dalam penciptaan sesebuah pantun yang menunjukkan dunia berjodoh antara manusia dan alam semula jadi. Hal ini jelas menunjukkan satu keindahan yang ingin disampaikan dapat dilihat melalui dunia berjodoh berdasarkan nilai keindahan dalam Teori Puitika Sastera Melayu.

Petikan 15:

Burung tempua di pokok meranti,
Orang tua perlulah dihormati.

(Ismail Restu, 2014: 4)

Berdasarkan petikan 15 di atas wujud keindahan melalui dunia berjodoh antara baris pertama dan kedua pantun kanak-kanak tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana pada baris pertama pengarang menggunakan sumber alam semula jadi seperti burung tempua iaitu fauna atau haiwan dan pada baris kedua adalah pemikiran pengarang berkenaan dengan pesan supaya orang tua atau orang yang lebih berusia perlulah dihormati. Pengarang menerapkan pengajaran kepada kanak-kanak melalui perkaitan dengan alam semula jadi untuk menarik

perhatian kanak-kanak dalam mempelajari sesuatu perkara baru terutama pantun. Burung tempua adalah sejenis burung yang berkicauan kecil sahaja. Burung tempua mempunyai spesies keluarga bertaburan yang banyak di Afrika tetapi ada juga burung tempua ini yang hidup di kawasan tropika benua Asia. Burung tempua adalah burung yang sejenis suka makan biji benih menggunakan paruhnya yang tumpul dan berbentuk kon. Burung tempua sesuai digunakan dalam pembuatan pantun kerana ia merupakan salah satu fauna atau haiwan yang berkait dengan manusia kerana manusia suka memelihara haiwan-haiwan begini. Dengan adanya penggunaan unsur haiwan atau fauna penciptaan pantun dapat menimbulkan keindahan dalam irama melagukan sesebuah pantun serta susunan kata-kata yang baik. Sama juga pantun dua kerat di atas kerana ia menggunakan burung tempua dan pantun ini ingin menyampaikan maksud iaitu orang tua perlu dihormati dengan sebaiknya. Kanak-kanak perlu diajar sejak dari kecil lagi untuk menghormati orang tua kerana ia memberikan satu sifat kasih sayang antara satu sama lain. Di samping itu, menghormati orang tua atau orang lain juga akan mendatangkan kesan positif kerana orang lain juga akan menghormati kita seperti yang kita lakukan. Jelaslah, dunia berjodoh dapat dikaitkan dengan pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun* kerana sifatnya yang jelas dan baik dalam penggunaan kata dan menimbulkan nilai estetika secara tidak langsung.

Petikan 16:

Bersawah padi di tanah curam,
Perkataan mandi disebut bersiram.

(Ismail Restu, 2014: 10)

Berdasarkan petikan pantun di atas, ia jelas menunjukkan nilai keindahan pantun tersebut berdasarkan dunia berjodoh yang diutarakan dalam Teori Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh. Hal ini dikatakan demikian kerana pengarang melibatkan unsur alam yang ada di sekelilingnya dan menggunakan dalam pantun kanak-kanak. Ini juga menunjukkan dunia berjodoh antara unsur alam seperti padi dan pemikiran manusia dalam memberikan pengajaran kepada kanak-kanak. Padi atau nama saintifiknya iaitu *Oryza Sativa* merupakan satu daripada tanaman bijirin dan merupakan makanan asas bagi ramai penduduk dunia termasuk di Asia, Amerika Latin dan Caribbean. Di Malaysia, padi yang ditanam terbahagi kepada dua jenis iaitu padi sawah yang juga dikenali sebagai padi bendang dan padi huma atau padi bukit. Padi sawah atau padi bendang adalah jenis padi yang paling banyak ditanam kerana dapat mengeluarkan hasil yang tinggi. Padi sawah memerlukan penggunaan air dan baja yang banyak serta perlu ditanam dengan cara yang teratur. Pokok padi mempunyai akar yang berserabut dan memiliki batang yang sangat pendek serta daun berbentuk lanset dan berurat sejajar. Kelebihan dan khasiat padi ialah padi dapat membekalkan sumber tenaga kepada manusia untuk kehidupan. Selain itu, padi ialah tanaman yang digunakan sebagai sumber makanan untuk diamalkan oleh manusia memiliki kandungan karbohidrat yang tinggi. Bahkan, kandungan karbohidratnya mencapai 79gram dalam per gram beras. Oleh itu, makanan yang berasal dari padi sangatlah penting bagi manusia untuk membekalkan bekal tenaga.

Disebabkan kelebihan padi itu sendiri bagus dan baik ia digunakan dalam penyampaian sesebuah pantun. Baris kedua pantun ini pula adalah maksud pengajaran dan pembelajaran kepada kanak-kanak berkenaan dengan tema bahasa istana. Penggunaan mandi adalah tidak sesuai dalam bahasa istana. Oleh itu, mandi disebut sebagai bersiram. Perkataan ini menunjukkan sisi yang sedikit berbeza untuk menunjukkan ketinggian bahasa yang ada dan digunakan antara kalangan pemimpin dan rakyatnya. Melalui pantun yang bertemakan bahasa istana ini mampu menjadikannya sebagai satu bahan yang baik kepada kanak-kanak. Pengarang juga berjaya menyampaikan makna dan saling kebergantungan antara unsur alam seperti padi dan pemikiran manusia yang ingin disampaikan dalam pelajaran kanak-kanak. Oleh itu, dunia berjodoh ini mampu memberikan nilai keindahan dalam pantun kanak-kanak dan ia saling melengkapi antara satu sama lain dalam semua aspek.

4.2.5 Muzik Seiring Kata

Muzik seiring kata adalah satu perkara yang merujuk kepada muzik bahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam sastera juga ada muzik yang perlu dialunkan untuk menimbulkan nilai estetika atau nilai keindahan kepada sesuatu karya. Muzik seiring kata ini juga adalah satu irama yang indah dan menarik kerana ia mempunyai alunan yang saling bersahut-sahutan dan berulang-ulang dalam setiap baris atau bait sesebuah karya. Sebagai contoh, irama dalam pantun. Berdasarkan pandangan Mana Sikana (1996), beliau menyatakan bahawa seni muzik itu harus saling bergandingan sama penting dengan seni sastera kerana kedua-duanya cabang kebudayaan. Di samping itu, bentuk dan kegunaan pantun itu sendiri menegaskan peranannya sebagai satu wadah bahasa untuk ucapan yang indah dan merdu. Antara banyak-banyak jenis

puisi yang ada pantunlah yang paling dekat dan sesuai kepada muzik. Hal ini dikatakan demikian kerana irama yang menaik dan menurun serta mempunyai rima yang saling berentak riang dalam penyampaian pantun. Suku kata yang bernada lebih kurang sama pada tengah dan hujung baris pantun juga memainkan peranan dalam mengeluarkan irama muzik yang indah dalam pembacaan pantun. Oleh itu, pantun paling dekat dengan muzik berbanding dengan puisi yang lainnya. Di samping itu, kata-kata yang digunakan juga adalah bersesuaian sehingga menimbulkan keindahan dalam pantun seperti pantun kanak-kanak di bawah ini.

Petikan 17:

Biji **selasih** dicuci **bersih**,
Terima **kasih** menjunjung **kasih**.

(Ismail Restu, 2014: 10)

Petikan pantun di atas menunjukkan persamaan rima dalam setiap baris pembayang dan maksud pantun kanak-kanak. Rima silang selalunya ditunjukkan di tengah dan di hujung pantun setiap baris. Seperti yang diketahui umum, keindahan pantun bukan sahaja dilihat berdasarkan penggunaan unsur alam seperti nilai estetika iaitu dunia berjodoh tetapi turut melibatkan penggunaan rima yang seimbang dan sama dalam setiap baris pembayang dan maksud pantun. Sama juga dengan pantun kanak-kanak di atas di mana rima yang sama untuk menimbulkan kesan keindahan apabila wujudnya bunyi-bunyian dan irama dalam setiap pembacaan pantun. Rima pantun kanak-kanak di atas dikatakan sama dan seimbang kerana pada tengah baris pembayang dan maksud pantun tersebut menggunakan perkataan “selasih” dan “kasih”. Manakala, di baris maksud pantun pula menggunakan perkataan “bersih” dan “kasih”. Secara tidak

langsung, pantun ini menunjukkan kesamarataan serta keseimbangan dalam alunan pembacaan pantun dan menimbulkan keindahan seperti bunyi-bunyian yang menarik dan saling bersahut antara satu sama lain. Perulangan bunyi juga muncul setelah adanya penggunaan perkataan yang sama dan seimbang pada akhir perkataan tersebut. Dengan adanya rima yang menarik seperti menaik dan menurun ini akan mempengaruhi emosi seseorang individu terutama emosi kanak-kanak yang membaca pantun ini sebagai bahan pembelajaran mereka. Menurut pandangan Hashim (2019), pembentukan keindahan bunyi dan makna akan terjadi apabila rima tengah dan rima akhir adalah sama. Oleh hal demikian, rima ini sendiri memainkan peranan dalam membentuk keindahan dalam sesuatu karya terutama pantun.

Petikan 18:

Memburu **rusa** di tepi **paya**,
Semua **bangsa** kata **budaya**.

(Ismail Restu, 2014: 27)

Petikan pantun di atas ini juga menunjukkan rima yang sama dan seimbang juga diterapkan oleh pengarang. Hal ini dikatakan demikian kerana ada penggunaan perkataan di baris pertama iaitu “rusa” dan “bangsa”. Di hujung perkataan tersebut mempunyai huruf dan sebutan yang sama dan menyebabkan rima disebut selari dan bersesuaian seperti -sa untuk rusa dan -sa untuk bangsa, manakala pada baris maksud pantun tersebut pula mempunyai perkataan yang sama iaitu “bangsa” dan menjadikan rima akhir pantun tersebut selari dan seimbang serta menimbulkan keindahan dalam pembacaan pantun kanak-kanak tersebut seperti -sa. Bunyi-bunyian yang sama dalam pembacaan pantun kanak-kanak ini akan membuat mereka lebih tertarik untuk membaca dan mempelajari

sesuatu perkara baru. Menurut Muhammad Haji Salleh (1999), terdapat suatu jaringan bunyi yang rumit. Hal ini dikatakan demikian kerana wujudnya bunyi yang saling bergema antara satu sama lain, saling bersahutan dan sebagainya lagi. Secara tidak langsung, ia mewujudkan satu jalinan bunyi, muzik disebabkan oleh mainan vokal dan konsonan dalam pantun. Oleh hal itu, sewaktu membaca pantun, pantun yang didengari dan dibaca ini semakin berkembang menjadi satu orkestra yang canggih disebabkan oleh bunyinya yang berjulat besar dan indah. Menurut pandangan Za'ba (1965), bunyi di setiap hujung baris tidak semestinya perlu sama sekali tetapi dengan adanya penggunaan tersebut ia akan mengelokkan lagi bunyi tersebut. Sekurang-kurangnya bunyi yang bertentangan itu perlu ada dua dalam setiap kerat. Sekiranya boleh dlebihkan lagi adalah lebih baik untuk setiap pembikinan pantun tersebut. Sama juga dengan pantun kanak-kanak di atas, walaupun ia tidak mempunyai pertentangan perkataan tetapi ia masih ada dan telah menjadikan pantun tersebut indah dalam pembacaannya. Jelaslah di sini, yang ditekankan oleh Muhammad Haji Salleh adalah ulangan bunyi yang menimbulkan irama dengan dalaman dan setiap pengarang memasukkan unsur bunyi yang melibatkan muzik dalam bahasa iaitu muzik seiring kata.

4.2.6 Dunia Luas yang Dipadatkan

Dunia luas yang dipadatkan adalah satu nilai yang meletakkan peraturan di mana dunia dan makna perlu dipadatkan dalam sebuah cakerawala kecil kata-kata. Apa yang ingin dimaksudkan dengan dipadatkan ialah karya ataupun pemikiran idea seni yang melibatkan pengalaman dunia yang besar dan pada akhirnya ia dimasukkan dalam citra dan perkataan. Dalam sesebuah karya pantun, setiap makna atau maksud perlu disaring terlebih dahulu berdasarkan

beberapa faktor, sumber dan bentuk kecil yang ditawarkan kepada khalayak. Penyaringan tersebut itu dipaparkan melalui perkataan-perkataan yang digunakan untuk mencipta sesebuah pantun dengan tujuan menyampaikan makna pantun yang ingin disampaikan serta ia bersesuaian. Berdasarkan pengalaman yang dipadatkan melalui citra ataupun kata tersebut akan menjadi satu kesimpulan akhir yang terhasil setelah berfikir panjang oleh pengarang itu sendiri. Perkataan yang menjadi pilihan merupakan saringan yang disaring beratus-ratus citra dalam kehidupannya. Pada akhirnya, citra tersebut dijadikan sebagai pantun dalam baris-barisnya. Hanya yang terbaik dan sesuai sahaja yang akan dimasukkan dalam setiap baris pantun. Pengolahan dan penyusunan berlaku adalah berdasarkan cita rasa estetik pengarangnya yang tersendiri. Secara langsungnya, imaginasi pengarang akan tersampai dengan baik dan jelas melalui citra dalam pantun yang dikarang dan memberi kesan kepada khalayak yang membacanya.

Petikan 19:

Baju carik pembungkus asam,
Usah tarik muka masam.

(Ismail Restu, 2014: 1)

Berdasarkan petikan pantun dapat dilihat bahawa dunia luas yang dipadatkan wujud melalui pantun di tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana berdasarkan pemilihan kata-kata yang dimasukkan dalam pantun di atas sangat bersesuaian dan baik untuk menjelaskan sesuatu makna tersirat di sebalik karya pantun tersebut. Sebagai buktinya, pengarang menghubungkan kata baju carik dengan pembungkus asam serta usah tarik muka masam. Maksud pantun di atas adalah untuk memberi nasihat bahawa kita tidak boleh membuat muka masam

terutama di hadapan orang yang lebih berusia seperti ibu bapa dan guru-guru. Kata tersebut merupakan kata yang berdasarkan pengalaman dan persekitaran pengarang yang akhirnya dimasukkan ke dalam penciptaan pantun tersebut. Boleh dikatakan bahawa dunia luas yang dipadatkan itu melalui pemilihan kata telah disaring terlebih dahulu dan kata tersebut yang menjadi kesimpulan akhir dalam mencetus idea untuk penyusunan kata. Di samping itu, cara penyusunan pantun tersebut turut memberi gambaran kepada kita bahawa bagaimana proses atau langkah awal diambil dalam menurunkan dan membenarkan jaringan asosiasi antara baris-barisnya. Citra yang digunakan dalam pantun di atas adalah citra yang dilalui oleh pengarang. Citra yang baik dan sesuai sahaja akan diturunkan dalam baris-baris pantun. Seperti pada baris pertama iaitu pembayang pengarang menunjukkan sisi pengalaman dan persekitarannya dan pada baris kedua iaitu maksud pantun adalah maksud yang telah diubah dan dicantikkan berdasarkan cita rasa estetik pengarang dalam menyampaikan sesuatu perkara. Jelaslah, dunia luas yang dipadatkan dalam pantun kanak-kanak di atas salah satu nilai estetika yang memberikan keindahan kepada karya tersebut terutama kepada kanak-kanak.

Petikan 20:

Hilang kabus awan berarak,
Tarian dabus terkenal di Perak.

(Ismail Restu, 2014: 30)

Petikan 20 di atas bertujuan memberi pengajaran dan pengetahuan kepada kanak-kanak berkenaan dengan alat muzik tradisional yang ada di Perak. Walau bagaimanapun, ianya disampaikan melalui dunia luas yang dipadatkan. Melalui Teori Puitika Sastera Melayu, nilai estetika akan wujud sekiranya timbulnya dunia luas yang dipadatkan dalam sesebuah karya seperti pantun oleh pengarang. Hal ini dikatakan demikian kerana nilai tersebut menggabungkan peraturan yang dunia dan makna perlu dipadatkan dalam sebuah cakerawala kecil kata-kata. Teknik atau cara pengarang memadatkan dunia melalui citra-citra kecil yang boleh dilihat dari pelbagai jenis genre. Dalam bahagian ini jelas terpapar bahawa memuliakan singkatan adalah yang terbaik untuk menimbulkan nilai estetika. Contohnya, kata hilang kabus awan berarak menunjukkan bahawa susunan citra yang dilihat atau dilalui oleh pengarang itu sendiri yang akhirnya kebijaksanaan pengarang terpapar. Baris kedua pantun tersebut pula memberi pembelajaran baru kepada kanak-kanak kerana tarian dabus itu adalah salah satu tarian yang terkenal di negeri Perak. Penggunaan kata atau citra dapat dilihat juga tiada pembaziran kata kerana semuanya adalah tersusun sesuai mengikut kehendak pengarang. Jelaslah, dunia luas yang dipadatkan melalui pantun kanak-kanak di atas menimbulkan kesan keindahan kepada pembaca terutama kanak-kanak.

4.3 Kesimpulan

Kesimpulannya, bagi melengkapkan analisis kajian ini dengan baik, buku kumpulan pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun* telah menjadi rujukan utama dalam menghuraikan nilai estetika melalui penerapan Teori Puitika Sastera Melayu. Terdapat banyak nilai keindahan atau estetika yang diperolehi melalui buku pantun kanak-kanak iaitu *Adik Sayang Pantun* karya Ismail Restu pada tahun 2014. Dengan berlandaskan Teori Puitika Sastera Melayu Haji Muhammad Salleh telah mengeluarkan beberapa ciri-ciri yang ada dan menjadi teras dalam Teori Puitika Sastera Melayu. Antara ciri-ciri yang telah menjadi teras Teori Puitika Sastera Melayu ialah keindahan dalam mengajar atau mendidik, keindahan dalam rasa, keindahan dalam pengungkapan kesedihan dan kesusahan, keindahan dalam penceritaan dan keindahan yang asli. Berdasarkan ciri-ciri ini semua telah menimbulkan kesan estetika atau keindahan berdasarkan buku pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun*. Sebagai bukti buku pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun* digunakan adalah untuk dijadikan sebagai bahan pembelajaran mereka. Seterusnya, nilai estetika yang diterapkan melalui Teori Puitika Sastera Melayu juga memainkan peranan yang tersendiri dalam menimbulkan nilai keindahan dan dapat dikeluarkan berdasarkan buku pantun yang terpilih. Antaranya ialah dunia luas yang dipadatkan, dunia berjodoh, muzik seiring kata dan sebagainya lagi. Pada akhirnya, banyak nilai estetika yang dapat dilihat berdasarkan buku pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun*.

BAB 5

KESIMPULAN

5.0 Pendahuluan

Bab 5 ini merupakan bab terakhir dalam kajian penyelidikan ini. Dalam bab ini pengkaji akan merumuskan secara keseluruhan berkenaan dengan kajian yang telah dijalankan dan menjawab semua kepada persoalan-persoalan yang ada serta menjadikan objektif-objektif yang ditetapkan pada awal bab terjawab dengan baik dan berfokus bahawa ia membincangkan tentang nilai estetika dalam pantun kanak-kanak. Dalam bab ini juga pengkaji akan memberikan saranan atau cadangan yang menarik, relevan dan sewajarnya dengan kajian yang dijalankan supaya dapat dijadikan bahan rujukan tambahan kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang berkenaan dengan pantun kanak-kanak ini. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan ini buku pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun* sangat membantu pengkaji dalam mencapai semua objektif-objektif pengkaji dengan jelas. Dalam memartabatkan dan mengangkat semula pantun kanak-kanak, perbincangan ini turut akan disertakan dengan saranan yang bernas dan sewajarnya supaya ia sangat jelas dan dapat mencapai tujuan atau objektif asal kajian yang dihasilkan ini.

5.1 Rumusan

Secara rumusannya, kajian yang dijalankan ini adalah berfokus kepada nilai estetika dalam pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun*: penerapan Puitika Sastera Melayu. Kajian yang berfokuskan kepada pantun kanak-kanak ini adalah sangat menarik dan bagus. Hal ini dikatakan demikian kerana pantun kanak-kanak mempunyai nilai murni, pengajaran dan nasihat tertentu kepada kanak-kanak. Pantun kanak-kanak ini mampu membentuk psikologi kanak-kanak dengan baik juga kerana ia memberi kesan yang positif semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Pantun kanak-kanak juga ada nilai keindahan yang tersendiri yang mampu menjadi satu bahan pengajaran bermula dari sekolah rendah lagi.

Selain itu, teori yang digunakan oleh pengkaji iaitu Teori Puitika Sastera Melayu yang telah digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh ini mampu menunjukkan sisi baik dalam bidang sastera atau pendidikan. Hal ini kerana teori ini menekankan berkenaan dengan nilai estetika atau lebih dikenali sebagai unsur-unsur keindahan yang ada dalam sesebuah karya sastera terutama dalam kajian pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun* ini. Oleh itu, Teori Puitika Sastera Melayu ini menjadi bahan utama dan berkait rapat dengan kajian yang melibatkan nilai estetika serta mampu untuk digunakan dalam pelbagai jenis karya sastera lain lagi selain kajian pantun kanak-kanak.

Akhir sekali, nilai estetika yang ada dalam kajian pengkaji ini telah melengkapkan kajian secara menyeluruh untuk mengenal pasti unsur estetika yang ada dalam pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun* dan menghuraikan nilai estetika pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun*: penerapan Puitika

Sastera Melayu. Nilai estetika ini telah memberikan kesan yang indah dan menarik dalam mempelajari sesuatu karya seperti pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun* ini. Karya yang digunakan ini juga sesuai mengikut objektif asal pengkaji. Di samping itu, kajian nilai estetika ini sebenarnya boleh diperluaskan lagi untuk menunjukkan sisi keindahan dalam sesebuah karya yang meliputi semua karya seperti kajian cerita pendek, cerita rakyat, syair, pantun dan sebagainya lagi. Oleh itu, nilai estetika ini sendiri mampu mengangkat karya sastera yang ada serta boleh dijadikan tonggak utama dalam semua kajian.

5.2 Cadangan

Dalam bahagian ini, pengkaji akan memberikan beberapa cadangan atau idea baru untuk mengangkat martabat pantun kanak-kanak dan lebih berfokus lagi. Bahagian ini juga turut akan memasukkan saranan yang bernas dan sewajarnya supaya ia sangat jelas dan dapat mencapai tujuan atau objektif asal kajian yang dihasilkan ini. Di samping itu, dengan adanya cadangan-cadangan ini ia boleh menjadi satu rujukan baru kepada bakal pengkaji yang akan datang mengenai pantun kanak-kanak. Cadangan ini juga adalah untuk menarik perhatian kanak-kanak itu sendiri dalam mempelajari tentang pantun dan nilai keindahan yang ada dalam setiap pembelajaran mereka.

Antara cadangan pengkaji untuk menarik lebih ramai peminat dalam kajian pantun kanak-kanak ini ialah menerapkan nilai estetika dalam pantun kanak-kanak dengan menggunakan penggunaan kata-kata yang menarik, reka bentuk buku pantun kanak-kanak yang cantik dan sebagainya. Hal ini dikatakan demikian kerana pantun kanak-kanak pada masa kini kurang mendapat sambutan yang tinggi berbanding dengan kajian teks, cerpen, cerita rakyat, puisi

moden dan lain-lain lagi. Disebabkan hal demikian, penggunaan nilai estetika dalam pantun kanak-kanak sangat penting dan perlu menarik perhatian semua pihak termasuk kanak-kanak. Sekiranya buku pantun kanak-kanak yang diterbitkan tidak mengikut kriteria yang baik juga akan mempengaruhi minat pengkaji sendiri dalam membuat kajian tersebut. Oleh itu, pencipta pantun kanak-kanak perlu ada kreativiti dalam pembuatan pantun kanak-kanak dengan bahasa yang mudah dan menarik. Selain itu, reka bentuk buku pantun kanak-kanak juga memainkan peranan untuk menarik minat membuat kajian dan menjadi bahan pembelajaran kepada kanak-kanak.

Cadangan kedua untuk pantun kanak-kanak ini pula ialah menjadikan pantun kanak-kanak dalam bentuk animasi atau terlibat dengan penggunaan media elektronik. Seperti yang diketahui umum, pada masa kini teknologi semakin canggih dan penggunaan media elektronik semakin berleluasa. Oleh hal yang demikian, pantun kanak-kanak ini boleh diadaptasikan ke dalam bentuk animasi supaya ia lebih menarik dan dapat memudahkan pemahaman kanak-kanak dalam pembelajaran pantun sejak dari kecil lagi. Banyak animasi-animasi lain yang menjadi contoh kepada kanak-kanak. Sebagai buktinya, animasi kartun *Omar dan Hana*. Melalui watak-watak yang ada dalam animasi kartun ini ialah wujud pengajaran berkenaan dengan agama Islam seperti mempelajari adab, rukun Islam, rukun iman dan banyak lagi. Animasi kartun *Omar dan Hana* ini memang menjadi salah satu contoh kepada pengadaptasian karya sastera dan pembelajaran kanak-kanak. Secara tidak langsung, kanak-kanak mampu mempelajari pantun dengan baik dan otak mereka juga cerdas dalam mengeluarkan idea suatu masa nanti.

Di samping itu, cadangan pengkaji yang lain ialah mengadakan pertandingan penciptaan pantun dalam kalangan kanak-kanak dan masyarakat. Dengan adanya pertandingan penciptaan pantun ini kanak-kanak dan masyarakat dapat mengeluarkan idea dan mengasah bakat terpendam yang ada pada diri mereka semua. Melalui pertandingan penciptaan pantun ini juga ia mampu memupuk nilai-nilai murni yang pelbagai. Penciptaan pantun tidaklah terlalu susah kerana setiap rangkap yang perlu ada itu perlu mengikut rima yang betul sebagai contoh rima pantun adalah “a,b,a,b” dan ada pembayang serta maksud yang ingin disampaikan. Pertandingan penciptaan pantun ini boleh dilakukan semasa hari kemerdekaan serta semasa pengajaran dan pembelajaran (PDP) dalam kelas. Kanak-kanak akan lebih terdedah dan minda mereka juga akan turut cerdas dalam mengeluarkan idea penciptaan pantun serta kanak-kanak dapat mengamalkan nilai-nilai murni baru dalam kehidupan mereka. Pertandingan penciptaan pantun yang diadakan dalam kalangan kanak-kanak dan masyarakat juga boleh turut disertakan dengan hadiah-hadiah menarik atau cenderahati bagi membakar semangat mereka dalam pembikinan sesebuah pantun. Oleh hal yang demikian, pertandingan penciptaan pantun ini mampu membentuk satu pandangan yang positif seperti mengasah bakat sedia ada, menaikkan kembali pantun terutama pantun kanak-kanak, adanya nilai murni yang tersendiri dan sebagainya lagi.

Penciptaan permainan atas talian juga merupakan salah satu cadangan yang boleh dilakukan oleh semua pihak untuk meningkatkan kembali pantun kanak-kanak dan memberi pengajaran secara tidak langsung. Hal ini dikatakan demikian kerana pada masa kini teknologi semakin canggih dan banyak kemudahan serta inisiatif yang telah diberikan oleh pihak kerajaan kepada

masyarakat. Melalui penciptaan permainan atas talian ini juga boleh melibatkan pantun kanak-kanak dan mewujudkan nilai estetika berdasarkan permainan pantun atas talian yang dijalankan. Sebagai contoh, permainan penciptaan pantun menggunakan aplikasi *Canva*, *Power Point*, *Quizizz* dan sebagainya lagi. Melalui semua penciptaan permainan atas talian ini mampu menjadikan kanak-kanak lebih tertarik dan bijak untuk mengeluarkan idea mereka. Pantun boleh dijadikan permainan yang menarik seperti dalam aplikasi *Quizizz* seumpama kuiz dengan kepelbagaian jawapan dan animasi pergerakan. Ia menimbulkan nilai estetika juga dalam pembelajaran melalui permainan atas talian berkenaan dengan pantun kanak-kanak. Pada masa kini juga semua ibu bapa sudah menyedia lengkap gajet bagi memudahkan pembelajaran anak-anak mereka. Oleh itu, ibu bapa dan semua pihak perlu memanfaatkan sebaiknya teknologi yang ada sekarang bagi menyampaikan pembelajaran pantun terutama kepada kanak-kanak.

Kesimpulannya, semua cadangan yang disarankan dalam kajian ini diberikan mengikut kewajaran isu semasa dan juga bertujuan untuk mencapai tujuan dalam menjalankan sesuatu kajian. Dengan adanya cadangan-cadangan sebegini bakal pengkaji lain yang akan mengkaji berkenaan dengan pantun terutama pantun kanak-kanak mampu mengambil bahagian dan memberi tumpuan sepenuhnya kepada kajian yang mereka jalani. Pihak lain turut boleh mengambil serius tentang pantun kanak-kanak supaya nilai estetika dan nilai murni dalam pembelajaran kanak-kanak dapat diterapkan dengan baik.

5.3 Penutup

Nilai Estetika dalam Pantun Kanak-Kanak *Adik Sayang Pantun: penerapan Puitika Sastera Melayu* telah memberikan kesan atau impak kepada kanak-kanak melalui pembelajaran pantun dengan mudah. Secara tidak langsung juga kajian ini telah menjadi pemangkin kepada kanak-kanak dan generasi kini dalam nilai estetika. Kumpulan pantun dua kerat dalam buku *Adik Sayang Pantun* karya Ismail Restu telah mengumpulkan beberapa tema seperti tema berbudi bahasa, nama-nama ikan, bahasa diraja, alat muzik dan alat muzik tradisional. Pantun ini boleh dibacakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, pengkaji telah mencadangkan beberapa cadangan yang bersesuaian dan relevan dengan tajuk kajian pengkaji iaitu berkenaan dengan nilai estetika pantun kanak-kanak *Adik Sayang Pantun: penerapan Puitika Sastera Melayu*. Melalui pantun dapat dijadikan sebagai satu bahan penyampaian nilai murni dan pengajaran kepada semua terutama kanak-kanak. Psikologi kanak-kanak juga akan terbentuk secara meluas dan baik lagi apabila ada bahan yang membantu mereka dalam pembelajaran. Minda kanak-kanak juga akan cerdas dalam pembelajaran mereka berkenaan pantun kerana kanak-kanak suka akan pembacaan yang berirama dan ada rentak yang mudah untuk dibaca. Oleh hal yang demikian, nilai estetika dalam pantun kanak-kanak mampu menarik minat kanak-kanak dan boleh menjadi bahan hiburan selain daripada pembelajaran mereka. Kajian ini juga dapat menjadi bahan rujukan kepada pengkaji yang lain berkenaan dengan pantun kanak-kanak dan Teori Puitika Sastera Melayu.

RUJUKAN

- AA Djelantik (1999). *Estetika Sebuah Pengantar*. Bandung: Penerbit Masyarakat Seni Pertunjukan Indonesia.
- Abdul Halim Ali (2009). *Teori Puitika Sastera Melayu*. Teras Fundamental Ilmu Kesusasteraan.
- Abdul Halim Ali (2011). "Konsep Keindahan dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional" dalam *PENDETA: Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu*. 2(1). 99-117.
- Abu Hassan Hasbullah (n.d). "Kritikan Sastera Sebagai Wacana Estetika: Antara Pegangan Muhammad Haji Salleh dengan Teori Northrop Frye" dalam *Jurnal Pengajian Media Malaysia*.
- Aida Mastura Mohamad (2022). *Pemberdayaan Jati Diri Kanak-Kanak Dalam Teks Adik Sayang Pantun*. Tesis. Universiti Malaysia Kelantan.
- Aida Qamariah Ishak et. al. (2018). "Pantun kanak-kanak dari perspektif semiotik Riffaterre." dalam *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 11 (1), 88-109.
- Azim Normiza Ahmad & Shaiful Bahri Md Radzi (2020). "Nilai Patriotisme Dalam Pantun Pak Nazel." dalam *International Journal of The Malay World and Civilisation*. 9 (2), 37-49.
- Dharmawijaya (1998). *Dunia Puisi dalam Penulisan dan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Efrizal A. S. (2012). *Kajian Estetika dalam Cerita Rakyat Melayu Kuantan Riau, Indonesia*. Tesis PhD. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Eizah Mat Hussain (2016). *Simbol dan makna dalam Pantun Melayu Bingkisan Permata*. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Eizah Mat Hussain, et. al. (2015). "Simbol Tumbuhan Dalam Pantun Dari Perspektif Puitika Sastera Melayu." dalam *Jurnal Pengajian Melayu (Jomas)*. 26 (1), 235-255.
- Ghazali Din & A Halim Ali (2020). "Naluri kemasyarakatan mengangkat keunggulan kepengarangan Muhammad Hj Salleh terhadap pembangunan minda bangsa Melayu." dalam *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu* 8 (1), 26-41.
- Harun Mat Piah (1980). *Cerita-cerita Panji Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah (1989). *Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hashim Ismail (2019). "Teori Puitika Sastera Melayu: Interpretasi dan Praktikaliti." dalam *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*. Bil. 29, 31-49.
- Hj Rashid Hj Idris (2012). "Nilai Kebijaksanaan Melayu Dalam Pantun." dalam *'Ulūm Islāmiyyah Journal* 197 (1022), 1-29.
- Ismail Restu. (2014). *Kumpulan Pantun Kanak-kanak: Adik Sayang Pantun*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Kaithiri Arumugam, Rohaya Md Ali (2019). "Buku kanak-kanak: Analisis unsur Estetika." dalam *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 151-165.
- Kartini Anwar (2016). *Tradisi Sastera Johor-Riau: Suatu Kajian Terhadap Syair Sejarah*. Tesis PhD Ijazah Kedoktoran Falsafah.
- Lokman Abdul Samad & Asmiaty Amat (2018). *Pantun, Kata Dan Bunyi Membentuk Makna*. Universiti Malaysia Sabah.
- Mohammad A. Quayum (2006). "On a Journey Homeward: An Interview with Muhammad Haji Salleh." dalam *Postcolonial Text*, Vol 2, No 4.
- Muhammad Haji Salleh (1999). *Puitika Sastera Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Muhammad Haji Salleh (2000). *Puitika Sastera Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Muhammad Irfan Nyia Bin Abdullah (2013). *Budaya Dalam Puisi-Puisi Muhammad Haji Salleh: Kajian Teori Sastera Budaya*. Tesis Kedoktoran Universiti Sains Malaysia.
- Norazimah Zakaria et. al. (2017). "Akal Budi Dan Cerminan Jati Diri Melayu Dalam Pantun." dalam *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)* 4 (2), 89-97.
- Nordiana Ab Jabar et. al. (2022). "Pembentukan Jati Diri di Kanak-Kanak Melalui Teks *Adik Sayang Pantun*." dalam *TENIAT+Vol.X,+Issue+No+2-88-98*.
- Norhayati Ab Rahman (2014). *Puitika Sastera Wanita Indonesia dan Malaysia: Satu Bacaan Ginokritik*. Minden: Penerbit USM.
- Nur Amelia Farhana Zuraimi (2022). *Estetika Dan Kebijaksanaan Dalam Pantun Melayu: Suatu Kajian Berdasarkan Puitika Sastera Melayu*. Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Nurhasma Muhamad Saad et. al. (2009). "Fungsi Cerita Binatang dalam Sastera Kanak-kanak Melayu-Arab." dalam *Seminar Antarabangsa Bahasa dan*

Budaya: Membentuk dan Memupuk Masyarakat Global, anjuran Fakulti Sains Kemusiaan, UKM, 5-6.

- Nurzeti Ghafar (2001). *Muhammad Haji Salleh: A Poet in Two Languages*. Tesis PhD. Jabatan Inggeris, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- R. Ibrahim dan Nana Syaodih S (2003). *Perencanaan Pengajaran. Cet. II*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Rahman Shaari (2001). *Bimbingan Istilah Sastera*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Ros Anita, Kartini Mohamed & Abdul Halim Ali (2022). "Implikasi Pengayaan Dan Pembelajaran Pantun Terhadap Perkembangan Kognitif Murid Sekolah Rendah." dalam *Jurnal Pendidikan Bitara Upsi. Vol. 15 No. 1 (2022) / Eissn 2821-3173 (12-18)*.
- Rosnani Md Zain & Nik Rafidah Nik Muahamad Affandi (2019). "Unsur Estetika Bahasa Dalam Novel-Novel Pemenang Sayembara Fiksyen Sains Dan Teknologi Dari Tahun 2012 Sehingga 2017." dalam *MANU Bil. 30, 189-212*.
- Sakinah Abu Bakar (1998). *Estetika Dalam Puisi Usman Awang dan Muhammad Haji Salleh: Unsur-unsur Tradisi dan Inovasi* (Doctoral dissertation, Tesis sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang).
- Siti Aisah Yusoff (2011). *Estetika dalam kumpulan puisi kanak-kanak Putera-Puteri Malaysia dan Nota untuk Ibu*. Tesis Universiti Putra Malaysia Ijazah Master Sastera.
- Zurakintan Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh (2015). "Pemikiran Melayu tentang Ilmu dan Adab dalam Puisi Melayu Tradisional." dalam *International Journal of the Malay World and Civilisation. 3(2), 2015: 121-129*.

Rujukan Internet

- Wmkfirdaus. (2015). Reka Bentuk Kajian Dr Kamarul. Slideshare dalam <https://www.slideshare.net/wmkfirdaus/reka-bentuk-kajian-dr-kamarul> (akses: 20 Oktober 2022)